



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MUHAMMAD SAIFUL AZAM BIN MOHAMED YUSOFF
PELAWAK DAN PELAKON**

OLEH:

SHAFIE BIN SALEH@DAUD	2021505339
ZUL-AMIRUL MUHAIMIN BIN MOHD ZUKRI	2021119219

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2022 - OGOS 2022)**

ISI KANDUNGAN

NO	ISIKANDUNGAN	MIS
	Abstrak	1
	Penghargaan	2
	Senarai singkatan	3
	Biodata penemubual	4-5
	Biodata tokoh	6
1.0	Pengenalan 1.1 Pendahuluan 1.2 Permasalahan kajian 1.3 Objektif kajian 1.4 Persoalan kajian 1.5 Kepentingan dan sumbangan kajian	7-11
2.0	Tinjauan literatur	11-13
3.0	Metodologi 3.1 Pendekatan kajian 3.2 Peserta kajian 3.3 Prosedur pengumpulan data 3.4 Carta Gant projek	13-17
4.0	Transkrip temu bual	18-93
5.0	Log wawancara	99-114
6.0	Hasil kajian	115-117
	Indeks	118
	Rujukan	119

Lampiran	
Lampiran 1 - Surat Kebenaran	
Lampiran 2 - Surat Perjanjian	120-
Lampiran 3 -Soalan Temu bual	127
Lampiran 4 - Gambar	

ABSTRAK

Abstrak: *Temuhual ini dilakukan bersama Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai salah satu anak seni di Malaysia. Temuhual ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet. Tarikh temuhual tersebut adalah pada 18.07.2022 bermula pada jam 10.19 ma/am hingga 1.00 pagi,, Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff atau lebih dikenali sebagai Saiful Apek merupakan seorang pelawak [agenda tanahair. Beliau pernah diheri jolokan sebagai "Pelawak No. 1 Negara" semasa zaman kegemilangannya dan juga gelaran "Sifu" oleh pelawak-pelawak masa kini. Sehingga kini, aura dan kredibiliti beliau sebagai seorang pelawak tiada tolok handing dan gantinya. Beliau terkenal sebagai seorang pelawak intelektual yang her ilmu dalam setiap tutur kata dan adahnya semasa menghibur. Pelbagai ujian dan cabaran telah dilalui oleh Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff sepanjang perjalanannya sebagai anak seni di Malaysia. Sejarah kehidupan, kerjaya dan pencapaian beliau dapat dijadikan sumber inspirasi terutama kepada anak muda yang ingin menjejakkan kaki di dalam bidang seni sepertinya.*

This article is based on sources from the author's research on oral history figures that has been conducted with Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff or better known as Saiful Apek. He is a well-known comedian, actor and singer in the country from 1994 until now. This article reveals about his experiences throughout being a comedian, actor and even a singer until he got the title of the country's number one comedian. In addition, this article includes the background story of his life such as the background of his primary and secondary school education. This article also tells about his current life as a popular artist. He is very experienced in the field of comedy acting and also singing because he has been involved in this field of acting and singing for twenty seven years. His experience and contribution to his career are very valuable and hope to help everyone to become more familiar with the field of comedy acting and singing in the future because this oral source is a primary reference. Therefore, this information was documented using oral history techniques.

Saiful Apek, Pelawak, Lagenda, Anak Seni, Inspirasi,

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan kuasa yang diberikan kepada kami untuk menyiapkan tugas subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604). Terlebih dahulu, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa Abdullah dengan tunjuk ajar dan nasihat sepanjang menyiapkan tugas ini dan juga, memberikan banyak maklumat dan ilmu yang berguna untuk kami.

Terima kasih kepada ahli kumpulan kami kerana memberi kerjasama, sokongan dan kerja keras untuk membuat tugas ini dan kepada rakan-rakan lain yang memberi maklumat berguna kepada kami.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua rakan-rakan dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang sentiasa membantu dan memberi semangat kepada kami untuk menyiapkan tugas ini. Kami tidak mempunyai kata-kata yang berharga untuk mengucapkan terima kasih tetapi hati kami masih penuh dengan nikmat yang diterima daripada setiap orang.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	NAMAPENUH
COVID-19	Coronavirus disease
UiTM	Universiti Teknologi MARA
TV	Televisyen
SA	Saiful Apek
ZAM	Zul-Amirul Muhaimin
SS	Shafie Saleh
DJ	Disc jockey
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
RTM	Radio Televisyen Malaysia

BIODATA PENEMUBUAL

PENEMUBUAL 1



Nama : Shafie Bin Saleh@Daud
Alamat : Lot 5 Kampung Pasir Gedombak, 16800 Pasir Puteh, Kelantan
Nombor telefon : 011-18955699
E-mel : 2021505339@student.uitm.edu.my
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245)

PENEMUBUAL 2



Nama : Zul-Amirul Muhaimin Bin Mohd Zukri
Alamat : SA-10 Kedai Salor, 15100 Kota Bharu, Kelantan
Nombor telefon : 019-9754986
E-mel : Zulzukri.zz@gmail.com
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245)

BIODATA TOKOH



Nama : Muhammad Saiful Azam bin Mohamed Yusoff
Umur : 52 tahun
Tarikh Lahir : 12 Mei 1969
Pekerjaan : Pelawak, pelakon, pengarah, penyanyi, pengacara dan penghibur.
Tempat Tinggal : Selangor
No Telefon : 016-3598969
Nama Isteri : Roslina Abu Hassan

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan seni sebagai halus (kecil, elok), tipis dan halus. Seni juga diartikan sebagai karya seperti sajak, lukisan, muzik, dan lain-lain yang dicipta dengan bakat hasil daripada sesuatu ciptaan. Kesenian pula diartikan sebagai perihalseni yang berkaitan dengan seni, keindahan atau kehalusan. Di Malaysia, Indonesia, dan Thailand terdapat satu istilah kesenian yang di kongsi bersama tetapi membawa maksud yang berbeza. Istilah itu ialah 'lakon'. Di Malaysia dan Indonesia 'lakon' membawa maksud cerita yang dipentaskan. Di Thailand pula istilah yang sama membawa maksud tarian. Secara amnya, dalam kebudayaan masyarakat rantau Asia Tenggara terdapat serangkaian bentuk seni yang melibatkan gerak geri atau perlakuan manusia yang ditonton oleh manusia lain.

Menurut Oliver (2006), Komedi ialah suatu pertunjukan sandiwara atau lakonan yang perbuatannya berpura-pura atau perlakuan yang dibuat-buat bertujuan untuk menghiburkan penonton. Berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud "festive song", iaitu lagu festival, ia lebih merujuk kepada perayaan tarian, sosial atau perkahwinan. Tetapi, pada masa sekarang, genre komedi merujuk lebih kepada aksi dramatik yang berunsurkan ketawa. Bentuk komedi membentuk situasi yang pelik, bahasa, aksi dan karektor pelakon. Ia memperlihatkan keadaan kehidupan yang riang ataupun cara melepaskan ketidakpuasan kehidupan dan bergerak sebagai suatu escapism untuk orang ramai. Filem komedi adalah antara filem paling awal dibuat. Dahulunya, filem komedi pada era zaman Silent lebih tertumpu kepada komedi berbentuk fizikal. Kemudiannya, setelah teknologi bunyi diperkenalkan, filem komedi berkembang kepada filem komedi bahasa atau verbal. Antara elemen komedi dalam filem adalah slapstick, mengajuk, mimik dan bahasa pergerakan badan, perwatakan jenaka dan sifat surrealisma. Komedi biasanya mempunyai dua format iaitu komedi secara jenaka atau bersketsa dan komedi situasi iaitu penceritaan yang berbentuk penceritaan bemarkatif. Kedua-dua format komedi ini boleh disatukan bersama dalam filem untuk membentuk genre filem komedi seperti komedi-muzikal, komedi-seram, komedi-romantik dan komedi-remaja.

Menurut Wikipedia pula, Penyanyi merujuk kepada ahli muzik yang menggunakan suaranya untuk menghasilkan muzik. Kebiasaannya, nyanyian hanya merujuk kepada melodi suara sahaja, namun istilah "vokalis" merangkumi makna yang serupa dengan merujuk kepada bunyi-bunyi bukan melodi, termasuk penggunaan suara sebagai sebahagian gubahan muzik. Sebagai contoh, percakapan death grunt, dan rapping tergolong dalam istilah nyanyianvokal. Penyanyi utama ialah seorang yang menyanyikan vokal utama dalam sesebuah lagu manakala penyanyi iringan atau penyanyi latar belakang menyanyikan vokal sokongan untuk lagu tersebut. Pengecualian dibuat kepada satu kumpulan 5 penyanyi untuk muzik a cappella gospel yang mana penyanyi utama menyanyikan dengan suara yang tertinggi antara lima suara, tetapi tidak menyanyikan melodi yang sama dengan empat penyanyi-penyanyi lain.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan kajian yang dibuat, terdapat beberapa permasalahan yang atau isu yang timbul seperti kekurangan maklumat yang berkaitan dengan seniman negara iaitu Saiful Apek. Setelah membuat kajian, pengkaji mendapati bahawa maklumat yang ada di internet tidak mencukupi untuk menceritakan tentang latar belakang dan sumbangan tokoh atau artis veteran yang di temubual.

Selain itu juga, sumber-sumber yang sedia ada di internet juga tidak berapa tepat mengenai Saiful Apek. Banyak yang di tokok tambah oleh media dan ini menyebabkan maklumat yang diterima oleh pembaca atau pun orang awam tidak tepat dan boleh menimbulkan salah faham yang boleh memburukkan nama artis tersebut.

Pengkaji bersetuju untuk melaksanakan kajian ketokohan artis veteran yang bertitik tolak dari ketiadaan satu pun kajian seumpamanya tentang pelawa nombor satu negara secara lebih mendalam tentang sumbangan serta pengalaman mereka dalam bidang pustakawan atau sebaliknya. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan kerana untuk mengetahui apakah sebenarnya sumbangan dan pengalaman mereka dalam indusri hiburan. Maka, kami telah menemubual seorang artis veteran tanah air iaitu Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed

Yusoff atau lebih dikenali sebagai Saiful Apek. Beliau telah banyak memberi sumbangan dalam bidang lakonan dan nyanyian di Malaysia

Objektif Kajian

Berikut adalah objektif pengkaji dalam mengenalpasti tokoh atau artis veteran Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff atau lebih dikenali sebagai Saiful Apek.

1. Mengkaji latar belakang tokoh atau artis veteran Saiful Apek.
2. Mengkaji sumbangan tokoh atau artis veteran dalam bidang lakonan dan nyanyian kepada negara dan masyarakat.
3. Mengkaji pengalaman Saiful Apek sepanjang menjadi artis komedi dan penyanyi di Malaysia.

Persoalan Kajian

Berbagai-bagai persoalan yang akan timbul berkaitan dengan kajian artis veteran nombor satu negara yang belum dikaji. Berikut adalah di antara persoalan kajian yang telah di kemukakan:

1. Apakah kisah disebalik nama Apek dan dari mana datangnya nama tersebut?
2. Sepanjang kerjaya Encik sebagai seorang pelakon, apakah aspek yang dititikberatkan oleh Encik untuk mencapai kejayaan dalam menghasilkan sesebuah filem/drama yang berkualiti?
3. Apakah pencapaian dan sumbangan sepanjang terlibat dalam industri hiburan?

Kepentingan dan Sumbangan Kajian

Pertama sekali, untuk mengetahui serta menambah ilmu pengetahuan berkaitan tentang latar belakang tokoh atau artis veteran negara yang juga merupakan pemenang anugerah bintang popular dari tahun 2003 sehingga 2008. Kajian mengenai latar belakang tokoh seniman Saiful Apek adalah kajian yang pertama dilakukan. Hasil penulisan ini dilakukan kerana ramai yang tidak tahu mengenai bidang hiburan ini dengan lebih meluas tambahan pula sumbangan artis veteran ini kepada kerjayanya juga perlu dihargai yang telah menabur bakti untuk berkhidmat sebagai penghibur di kaca televisyen di Malaysia.

Pada waktu yang sama, kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber bahan rujukan untuk mengetahui tentang kerjaya sebagai seorang pelakon perlu dipandang tinggi oleh masyarakat. Dengan adanya penulisan ini, penyelidik-penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai kerjaya Saiful Apek sebagai seorang seniman tanah air. Kajian seperti ini lebih memudahkan pengguna dan penyelidik untuk mengetahui bidang seniman kerana pelakon merupakan seorang penghibur kepada penonton dan masyarakat diluar sana. Penyelidik juga dapat mengetahui keperibadian Saiful Apek. Oleh itu, penting untuk generasi kini mengetahui sejarah keperibadian beliau yang merupakan permata bersinar kerana telah menaikkan nama Malaysia di mata negara luar dalam bidang hiburan ini.

Seterusnya, kajian ini berperanan membawa dan memperkenalkan ilmu lakonan dan nyanyian kepada semua masyarakat terutama kepada yang berhasrat untuk menjadi seorang seniman di Malaysia. Melalui orang yang ditembual mampu memberi pandangan tentang bidang tersebut yang boleh dijadikan contoh dan model kepada masyarakat melalui dokumentasi sejarah lisan ini. Nukilan ini akan menceritakan segala perihal mengenai latar belakang Saiful Apek sehingga pandangan dan pendapat beliau mengenai bidang lakonan dan nyanyian.

Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa tugas sebagai seorang pelakon dan penyanyi sahaja. Malah, pelbagai tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan supaya ramai yang akan datang mendapat manfaat dan pengajaran dengan wata-watak yang dibawa serta nasihat yang diselit dalam setiap lakonan. Tambahan pula, Saiful Apek turut berkongsi kisah bahawa kerjaya sebagai seorang pelakon mestilah menghayati watak-watak yang dilakonkan dengan penuh penghayatan supaya watak yang dibawa itu sesuai dengan keinginan pengarah. Oleh itu, kajian ini memastikan setiap maklumat yang diperoleh melalui temubual bersama beliau boleh membuka mata masyarakat bahawa kerjaya pelakon dan penyanyi juga dapat membantu masyarakat menambah ilmu tentang kehidupan di dunia. Kerajaan dan organisasi Malaysia juga perlu berganding bahu dalam memastikan bidang hiburan ini sentiasa dikekalkan supaya dapat menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang lakonan.

Akhir sekali, kajian ini membolehkan seseorang itu untuk menentukan hala tuju mereka sebagai seorang pelakon. Hal ini disebabkan pengalaman kerjaya Saiful Apek dapat meningkatkan motivasi seseorang itu untuk Berjaya dalam bidang lakonan dan juga nyanyian. Dengan adanya penulisan ini, penyelidik-penyelidik boleh menyelami keperibadian beliau yang telah berjaya dengan menyumbang bakat beliau dalam bidang seni hiburan ini. Oleh itu, semua pihak tidak perlu memandang rendah terhadap kerjaya sebagai artis kerana golongan ini juga banyak menyumbang kepada negara dari segi bakat dan tenaga mereka demi menghiburkan masyarakat di Malaysia dan juga luar negara.

TINJAUAN LITERATUR

Pelakon ialah orang yang menggambarkan watak dalam sesebuah persembahan. Pelakon itu membuat persembahan dalam medium tradisional teater atau dalam media moden seperti filem, radio, dan televisyen. Tafsiran pelakon tentang peranan seni lakonan berkaitan dengan peranan yang dimainkan, sama ada berdasarkan orang sebenar atau watak fiksi. Ini juga boleh dianggap sebagai peranan pelakon, yang dipanggil ini kerana skrol digunakan di teater. Tafsiran berlaku walaupun pelakon bermain sendiri, seperti dalam beberapa bentuk seni persembahan eksperimen.

Menjadi seorang pelakon tidak akan lepas daripada penilaian dan kritikan daripada penonton. Malah pelakon yang ba_g_u_s mampu membuatkan apa sahaja pementasan menjadi menarik meskipun mendapat ke_p_incangan dari sudut lain. Peranan pelakon amat penting untuk memberi keyakinan kepada penonton. Menurut Suyatna Anirun (1998), tugas seorang pelakon adalah membawakan dan menghidupkan laku. Maksudnya pelakon harus menampilkan dan menunjukkan tingkah laku yang bukan daripada dirinya sendiri sehingga dipercayai oleh semua orang. Maka bagi menghidupkan perkara ini, proses latihan adalah sesuatu yang wajib harus dilalui.

Seterusnya, bidang lakonan sudah sedia maklum bahawa bidang ini penting kerana memerlukan keyakinan yang tinggi untuk berhadapan dengan kamera dan juga masyarakat supaya kualiti akhir lakonan ataupun hasil akhir itu yang akan dipandang oleh masyarakat. Hal ini kerana ia boleh menghiburkan penonton ataupun masyarakat yang menonton sekali_g_u_s mereka dapat mengambil iktibar ataupun pengajaran yang disampaikan di dalam cerita tersebut.

Selain itu, menurut Normiha (2009), latihan sangat penting untuk seseorang pelakon menjayakan watak mereka. Salah satu tujuan utama latihan ini adalah untuk melatih pelakon menjadi lebih spontan dan jujur terhadap pengucapan dialog mereka. Apabila pelakon mengucapkan dialog tanpa banyak berfikir secara teknikal bagaimana seharusnya dialog tersebut dilontarkan, dialog tersebut akan kedengaran lebih jujur dan lebih memberi impak ke_p_ada penonton. Jadi proses awal sesebuah lakonan harus dimulakan dengan latihan untuk menyediakan pelakon agar mendengar, memberi respon, dan lebih spontan serta jujur.

Seterusnya ialah elemen asas seorang pelakon. Suyatna Anirun (1998) dalam bukunya yang bertajuk *menjadi aktor: pengantar kepada seni peran untuk pentas dan Sinema*, menyenaraikan beberapa perkara yang dianggap asas yang perlu dikuasai oleh seorang pelakon untuk membawakan sesuatu watak. Malah buku ini juga turut menyediakan latihan-latihan yang boleh di_g_u_nakan untuk melatih diri mencapai apa yang diinginkan oleh buku ini.

Saiful Apek merupakan seorang pelakon yang berasal dari Selangor yang banyak membuat latihan sebelum memulakan lakonan. Pada mulanya, beliau tidak bercita-cita untuk

menjadi seorang pelakon mahupun penyanyi. Beliau menjelaskan semua itu kerana kebetulan dan rezeki beliau. Beliau bersyukur diberi rezeki yang melimpah ruah setelah menceburi bidang lakonan dan nyanyian ini.

Selain itu, kajian ini adalah untuk mengkaji sumbangan dan pengalaman tokoh pelakona dan penyanyi hiburan yang telah berkecimpung selama lebih 20 tahun dalam bidang seni hiburan kerana kami mendapati bahawa tiada kajian yang dibuat untuk mengkaji tokoh khususnya tentang pelakkon, pelawak dan penyanyi nombor satu tanah air.

METODOLOGI

Prosedur yang kami gunakan dalam sejarah lisan ini adalah mengumpul maklumat dengan menemubual Saiful Apek yang mempunyai pengalaman dalam bidang lakonan komedi dan juga nyanyian serta kenangan-kenangan yang beliau boleh berkongsi dengan kami untuk diterbitkan dalam satu thesis.

Sejarah lisan ialah satu kaedah di mana sejarah atau kenangan yang berlaku kepada seseorang tokoh yang dirakamkan secara temuramah. Selain itu, sejarah lisan juga adalah untuk memperolehi maklumat daripada tokoh secara secara temuramah yang kemudian nya disalin dan ditaip. Selepas itu, salinan akan disemak terlebih dahulu sebelum di_g_u na pakai sebagai bahan penyelidikan dan pengajaran.

Selain itu, kajian sejarah lisan ini boeh dikatakan pengalaman baharu dan menarik untuk seseorang individu yang menjalankan kajian tersebut kerana ia boleh melihat dari pelbagai aspek dan mengenali isi hati serta karakter oleh seorang manusia. Menurut Rozeman (2004), Kajian sejarah lisan dikatakan sangat menarik kerana setiap individu yang menjalankan kajian tersebut akan bertemu dengan pelbagai pengalaman baharu , melihat sejarah daripada aspek yang pelbagai, serta mengenali lebih banyak personality manusia. Ia merupakan satu bidang kajian yang amat luas dengan meliputi pelbagai golongan masyarakat , seperti orang biasa , pemimpin masyarakat , gabenor , menteri kabinet , penulis terkenal , pengarang , korporat dan sebagainya.

Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang sering digunakan dalam penyelidikan iaitu temubual, kajian perpustakaan dan kajian maklumat di artikel lama sesawang. Menurut Mohd Majid (1998) kaedah yang paling berkesan perlu bergantung kepada objektif sesuatu penyelidikan untuk mengumpulkan data atau maklumat yang lebih banyak. Menurut pandangan beliau, objektif dan jenis penyelidikan perlu dikenal pasti terlebih dahulu sebelum penyelidik menjalankan temubual dengan seseroang itu. Jika penyelidik gagal untuk menggunakan kaedah pengumpulan data, maklumat yang terkumpul mungkin tidak mencapai piawaian dalam sesi temubual atau kesahihan maklumat itu tidak boleh digunakan. Empat kaedah penyelidikan boleh digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data yang diperlukan iaitu sumber lisan, sumber bertulis, rakaman pita dan akhir sekali platform google meet.

Prosedur kami yang utama adalah melalui sumber lisan iaitu dengan kaedah menemubual bersama tokoh pelakon veteran Saiful Apek dari tahun 1994 sehinggalah sekarang. Menurut Nadzan (2012) sumber lisan merupakan sesuatu keterangan sejarah yang diperolehi secara lisan iaitu dalam bentuk wawancara serta soal jawab dan akhir sekali dirakamkan ke dalam pita rakaman.

Seterusnya, sumber bertulis juga penting dalam membuat sejarah lisan. Justeru, sumber bertulis ini dikenali sebagai sumber sejarah yang terdiri daripada rekod-rekod bertulis tentang sesuatu peristiwa sejarah seperti jurnal dan manuskrip. Terdapat beberapa perbezaan pada sumber lisan dan bertulis di mana kita boleh melihat dari pelbagai persektif kategori sumber dan objektiviti tentang sumber tersebut.

Akhir sekali, temu bual bersama tokoh akan dijalankan menggunakan platform 'Google Meet'. Kami menggunakan kaedah ini kerana ini adalah platform yang paling sesuai buat masa ini. Oleh kerana kami tidak dapat mengunjung ke rumah beliau kerana musim covid-19 yang menyebabkan kami semua tidak dapat berinteraksi secara bersemuka.

CARTA GANT PROJEK

NO.	AKTIVITI	MINGGU 2	MINGGU 3	MINGGU 4	MINGGU 5	MINGGU 6
1.	Mendapat tugas daripada pensyarah.					
2.	Membuat kajian dan mencari tokoh yang ingin ditemu bual.					
3.	Mendapatkan maklumat mengenai tokoh yang ingin ditemu bual.					
4.	Berbincang dengan pensyarah mengenai tokoh yang ingin ditemu bual					
5.	Menghubungi tokoh yang					

	ingin ditemu bual.					
6.	Mendapatkan persetujuan daripada tokoh					
7.	Meneruskan proses mendapatkan maklumat tentang tokoh					
8.	Memulakan tugas untuk melakukan laporan akhir.					
9.	Berbincang dengan pensyarah program mengenai masalah yang dihadapi semasa melakukan tugas					
10.	Meneruskan kajian setelah					

	mendapatkan penyelesaian daripada pensyarah.					
11.	Mendapatkan tlrikh untuk menemu bual tokoh					
12.	Memulakan proses menemu bual dengan tokoh					

TRANSKRIP

Rakaman ini mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni hiburan. Bersama-sama kami ialah Saiful Apek yang merupakan seorang Pelakon dan penyanyi yang terkenal di Malaysia yang telah bergiat aktif dari tahun 1974 hingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 Julai 2022 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 10 malam dalam talian di platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Zul Amirul Muhaimin Bin Mohd Zukri dan Shafie Bin Saleh @ Daud. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

SA: Saiful Apek

ZAM: Zul-Amirul Muhaimin

SS: Shafie Saleh

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

ZAM : *Okay* [Baik] Assalamualaikum Encik Saiful?

SA : Waalaikumsalawarahmatullah.

ZAM : Boleh Encik nyatakan nama penuh Encik Saiful?

SA : Sebelum tu saya nak tahu juga nama penuh Shafie dengan Zul ni. Apa khabar?

ZAM : Alhamdulillah, nama penuh saya Zul Amirul Muhaimin Bin Mohd Zukri, alhamdulillah saya sihat.

SA : Alhamdulillah. Shafie?

SS : **Sihat alhamdulillah.**

SA : *Okay* [Baik], korang, korang daripada Unversiti UiTM mana eh?

SS : **UiTM Kelantan**

SA : Oh Kelantan, *Okay [Baik]-Okay* [Baik]. In Shaa Allah kalau ada kelapangan minggu depan saya akan kesana, In Shaa Allah ada rezeki kita akan berjumpa lah, kalau ada kelapangan nanti boleh tengok lah dekat Instagram saya jadual dan lokasi untuk 'road tour' jelajah seluruh Malaysia Bersama Dato' Awie dan juga usaha sama Bersama dengan PDRM lah bersempena kempen 'anti-scam'. *Okay* [Baik] first sekali saya perkenalkan diri saya memang dah sinonim lah dengan nama saya ataupun 'stage name' saya Saiful Apek dan kalau dalam kad pengenalan dan juga dalam LHDN nama penuh saya Mohammad Saiful Azam Mohammad Yusuf lah. saya dilahirkan pada dua Tarikh lah em mungkin agak complicated sikit tapi saya just nyatakan jelah mungkin nanti korang akan tahu kan macam mana sebenarnya, Panjang sangat cerita dia... so kalau dalam kad pengenalan tu memang Tarikh lahir saya adalah 15 hari bulan Ogos tahun 1969 dan Tarikh lahir saya yang sebenar adalah 12 Mei 1969. Em Tarikh tu saya tahu setelah sayajumpa dengan keluarga kandung saya lah setelah 21 tahun terpisah, jadi itulah serba sedikit tentang biodata saya lah.

ZAM : *Okay* [Baik] **em.. apakah kisah dibalik nama.....**

SA : tak dengar boleh ulang balik soalan?

ZAM : *Okay* [Baik] ... **soalan saya apakah kisah dibalik nama Apek dan dari mana datangnya nama tersebut?**

SA : *Okay* [Baik] ... saya kalau -ikutkan dalam pembabitan seni m' saya.. saya 'rewind' sikit lah, kalua ikutkan saya memang terlibat dengan satu program reality lah yang dianjurkan oleh pihak TV3 pada tahun 1994 iaitu Sinaran Passport Kegemilangan, yang mana program itu untuk mencungkil bakat-bakat baru yang boleh em.. menyanyi dan juga menghiburkan lah.. so secara tak sengaja lah pun kalua ikutkan adalah sedikit serba sedikit mengenainya di ... di ... youtube lah dan sebagainya ... boleh saya nyatakan dalam kat youtube tu ada di balik tawa Saiful Apek .. Linda Onn table top Bersama Saiful Apek, 'podcast' malam jumaat dan baru-baru ini bersama... begitu-begini bersama DJ Nazz. itu sikit lebih kurang mungkin itu ada rungsaian Panjang dia lah, tapi kalau ikutkan pada tahun 1996, saya telah diberi tawaran untuk berganding bersama.. seniwati.. Fauziah Ahmad Daud iaitu Kak Ogy dalam sebuah program terbitan TV3 aa Melodi untuk setiap minggu, jadi Ketika dalam sesi percubaan itu saya diberi mandate untuk dua minggu lah berganding Bersama dengan Kak Ogy .. dengan me me me me apa memakai pakaian Cheongsam.. pakaian rasmi bangsa Cina.. dan saya disitulah saya aa diberi nama watak Apek.. dan setelah pada itulah nama, nama tu telah sinonim dengan sayalah Saiful Apek sehinggalah saya diberi tawaran untuk Bersama dengan kumpulan senario dan

sekali gus telah Bersama dengan filem pertama scenario di luar perak iaitu scenario the movie dimana saya sebagai seorang pemilik funfair yang Bernama Apek.. jadi disitu lah agak sinonim kat situlah 1996 bersama dengan melodi dan pada tahun 1999 adalah filem yang pertama lah yang menggunakan nama Apek tu.

ZAM : Okay [Baik] baik. seterusnya dimanakah Encik dilahirkan dan dibesarkan?

SA : Saya kalau ikutkan dilahirkan di Petaling Jaya Selangor lah, tetapi oleh kerana saya dilahirkan kalau ikutkan tarikh sebenar tu 12 haribulan Mei tahun 69 tu adalah sehari sebelum Tarikh darurat, dan setelah sehari selepas darurat tu saya terpisahlah dengan keluarga kandung dimana Ketika itu ramai bila terjadinya rusuhan perkauman ni menjadikan Ketika itu situasi yang sangat darurat dimana semua hendak menyelamatkan bayi masing-masing dan disitu saya telah terpisahlah dengan keluarga saya.. jadi kalau ikutkan, tapi diikuti dalam kad pengenalan aa ataupun surat beranak saya dinyatakan dilahirkan di Taman Perwira Gombak... yang mana ianya tidak tepat lah sama sekali, mungkin ya lah pada zaman dulu kan memang kita boleh lapor lewat dan keterangan tu berdasarkan kepada mereka yang melaporkan lah. tapi kalau ikutkan betul-betul saya dilahirkan di Petaling Jaya lah.

ZAM : Di Petaling Jaya. Okay [Baik] berapakah umur Encik Saiful sekarang?

SA : Oh sekarang ni walaupun saya Nampak muda tapi saya dah mengjangkau umur 53 tahun lah.. baru 53 lah 'hahahaha'.

ZAM : 'hahaha', dimanakah Encik menetap sekarang?

SA : saya memang tak tetap lah 'hahaha' tapi memang Selangor lah saya memang Selangor lah di Selangor, memang saya dibesarkan di Selangor dan memang bermaustautin. Tapi banyak soalan-soalan yang mengatakan saya ni kadang-kadang dilabelkan sebagai orang Penang mungkin kerana lakonan-lakonan saya dalam berbahasa Utara tu membuatkan saya sinonim dengan Penang tu. jadi tulah saya sebenarnya bukan Penang la, orang Selangor.

ZAM Okay [Baik]. Siapakah nama ayah dan ibu Encik Saiful?

SA nama ibu saya kalau ibu kandung saya Puan Rahmah Binti Ayob lah, dan ayah kandung saya Husin Bin Abdul Rahman, dan kalau keluarga angkat saya yang membesarkan saya sampai saya umur 27 tahun tu ibu angkat saya adalah Hajah Endon, Allahyarhamah Hajah Endon Binti Haji Sa'in danjuga Mohamad Yusof Bin Syed Ismail dan seorang bapa tiri saya lah, Mohamad Jaafar Ali Bin Ibrahim.

ZAM Okay [Baik]. berapakah bilangan adik-beradik Encik Saiful?

SA Em masa saya dilahirkan, saya memang dibesarkan dalam keluarga angkat

memang saya anak tunggal lah saya tiada adik-beradik memang saya anak sulong memang saya tiada adik-beradik jadi saya lah anak dara saya lah anak teruna. Tetapi lepas saya berjumpa dengan keluarga kandung saya pada tahun 92 ketika saya berumur 22 tahun, saya barulah dapat berjumpa dengan enam orang lagi adik-beradik dibawah saya lah, dua lelaki dan lima perempuan lah termasuk saya lah. So jadi saya ada tujuh adik-beradik.

ZAM **Tujuh?**

SA Ha'ah.

ZAM ***Okay* [Baik]. Um Encik merupakan anak keberapa dalam keluarga?**

SA Saya anak sulong.

ZAM **Anak sulong?**

SA Ha'ah.

ZAM ***Okay* [Baik], um seterusnya apakah hobi Encik atau aktiviti yang dilakukan pada waktu lapang?**

SA saya dulu aktiviti suka merempit la. Dulu la kan tapi sekarang tidak lagi lah. Aa aitu Ketika remaja la. Tapi kalau sekarang ni kalau diikutkan pada hobi saya

tu.. saya.. diperingkat umur saya ni dah agak terhad sikit la umur kan.. tapi saya memang suka riding satu, riding konvoi la especially riding motor .. konvoi dan saya juga suka melukis, saya suka bermain alat muzik dan yang paling sinonim dengan saya, saya suka meluangkan masa Bersama kucing lah. H dan saya juga mungkin ada skill yang mungkin orang tak tahu ataupun dalam Wikipedia ataupun google memang takde la saya boleh gunting rambut... a saya pernahjadi hairstylist la maknanya dulu satu Ketika saya pernahjadi hairstylist, dan masa Ketika saya di asrama memang saya di pertanggungjawabkan untuk gunting rambut cikgu, pelajar-pelajar... jadi itu mungkin antara tak ramai orang tahu lah.

ZAM *Okay* [Baik] seterusnya, apakah moto hidup Encik Saiful?

SA Saya kalau ikutkan moto tu ada dua jelah moto, satu yang 250 satu lagi 500 lah, hahahaha. Tapi kalau slogan hidup ini saya, saya suka slogan-slogan yang lebih ringkas.. maksudnya yang, yang yang mesra maknanya saya boleh apply pada diri saya dan juga pada orang lain. Contoh, sebagai contoh semurah-murah rezeki adalah pada mereka yang sentiasa bersyukur. Kalau tak dapat apa yang kita suka, belajar lah untuk suka apa yang kita dapat. So basically ia lebih kepada bersyukur atas nikmat lah, so selalu lah saya... selalu saya kongsi moto ataupun slogan untuk kata-kata motivasi yang boleh di inspirasikan lah.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN KANAK-KANAK, SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENENGAH, UNIVERSITI.

ZAM : . *Okay* [Baik] soalan seterusnya akan berkaitan dengan sejarah Pendidikan.

Dimanakah Encik mendapat Pendidikan awal?

SA : Pendidikan awal mak bapak saya lah diorang yang rotan saya, diorang yang ajar saya mengaji apa semua hahaha. jadi kalau ikutkan dari dari tadika memang saya sekolah Cina lah sekolah tadika Cina so saya ada lah sikit-sikit berpengetahuan dalam Bahasa kantonis lah mandarin tak lah mandarin susah sikit kan jadi bila sekolah rendah tu juga di Petaling Jaya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Sultan Alam Shah 2... disitu daripada tahun 76 sehingga 81 lah. itu sekolah rendah lah dan sekolah menengah saya berpindah ke Petaling Jaya juga, Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya daripada tahun 82 sehingga 83 saya sambung pula ke sekolah asrama di sekolah Tengku Ampuan Rahimah, Klang dari tahun 83 sehingga 84. dan habis je saya tingkatan 3 tu saya masuk balik sekolah lama saya iaitu Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya.. dan disitu berakhimya teruslah sampai SPM.

ZAM : . *Okay* [Baik] em boleh Encik ceritakan sedikit kenangan manis pada zaman sekolah rendah?

SA : sekolah rendah saya pernah terminum air gula yang terlampau manis sangat itu

yang paling manis yang saya, saya paling manis 'hahaha'.. sebenarnya tapi kenangan paling manis saya rasa kita semua sama la, kita dapat sebab yelah bila.. bila waktu sekolah ni sebenarnya kalau kita tahu pada dasarnya kita sedang belajar ataupun melalui proses Pendidikan, tetapi bila saya dah dewasa saya nampak sebenarnya konteks kita disekolah sebenarnya kita belajar bersosial. Bersosial, cara kita mengawal sikap kita, cara kita mempraktikkan ataupun melatih diri kita untuk menjadi manusia lebih baik, memperbaiki diri, so proses sebenarnya dalam sekolah ni saya rasa kemanisan dia bila kita berkawan lab. Dekat situ banyak kemanisan yang kita dapat walaupun kadang-kadang ada kepahitan yelah biasalah macam adik-beradik kadang-kadang kita bertengkar, berselisih faham, bergaduh dan sebagainya. Tapi itulah antara kemanisan dia apabila kita berkawan lah itu yang saya rasa paling manis saya rasa semua orang pun akan merasai situasi yang sama lab sebab bila... bila kita dah tinggalkan sekolah, tinggalkan kawan kita, kita rasa rindu, kita rindu situasi tu, kita rindu mereka-mereka tu dan mujurlah sekarang kita ada media social yang boleh mendekatkan dan merapatkan balik kita dengan mereka. Jadi kemanisan tu sentiasa abadi rasanya. Hada je cerita-cerita yang.. kenangan yang kita akan kongsi Bersama kawan-kawan kita kan... pahit dan manislah.

ZAM : .. Okay [Baik] soalan seterusnya apakah subjek kegemaran Encik Saiful Ketika di sekolah menengah?

SA : a subjek saya kegemaran saya memang Pendidikan jasmani lah... saya paling

suka sangat Pendidikan jasmani hahahaha sebab saya, saya rasa mungkinlah kerana daripada... daripada saya kanak-kanak sehingga remaja mungkin saya cepat rima bila jadi dalam keadaan yang static... maksudnya duduk di bangku tu je dia. mungkin saya rasa saya boleh sifatkan sebagai orang-orang kreatif ni, dia cepat bosan... bila duduk je kat tu proses yang sama kan... tengok papan hitam... mungkinlah, mungkin dulu saya tak perasan tapi sekarang baru saya tahu sebenarnya ooo sebenarnya saya lebih suka ada aktiviti, aktiviti di luar h contohnya kadang-kadang a seni lukisan contohnya eh, kita boleh keluar melukis pokok, melukis pemandangan jadi saya Nampak sebenarnya subjek tu lebih kepada aktiviti luar. Tapi tak dinafikan juga mungkin saya boleh... saya boleh cakap subjek ni kadang-kadang very subjektif... h nama pun subjek kan hahaha.. sebab pada saya kalau korang setuju lab sebenarnya setiap matapelajaran atau subjek di sekolah tu sebenarnya yang membuatkan dia jadi menarik ialah kerana cik_g_u. Walaupun katalah matematik subjek yang paling bosan lah tapi bila cikgu tu best subjek tu jadi best, so jadi dia mungkin er berbeza lah padaa individu, sebab kadang-kadang ada yang cik_g_u terlalu garang, ada yang cikgu terlalu membosankan... so pada saya dia selalu bergantung pada cikgu ... kadang-kadang bila cikgu ni ajar English best, cik_g_u ni ajar matematik best, so dia bertukar-tukar bergantung pada cikgu. Sebab saya banyak bertukar sekolah kan... jadi subjek saya tidak tetap lah... tapi yang paling best subjek-subjek yang melibatkan aktiviti luar lab.

ZAM *Okay* [Baik] em seterusnya dimanakah Encik Saiful memlukan pengajian tinggi atau Universiti?

SA saya tiga tahun saya di di tiga Universiti h.. tiga tahu di tiga Universiti yang berbeza... h tapi masa tu bukan pengajian lah saya tolong kantin kat situ masa tu... so hahahaha dalam erti kata lain saya masuk la juga Universiti tapi bukan untuk pengajian la.. pengalaman bekerja la . Sebab tu bila saya cakap dengan orang 'oh tiga tahun tiga Universiti' semua orang terkejut kan ' uish dahsyat ni' hahaha.. tapi di tiga Universiti tiga kantin yang berbeza. Pengajian saya tak pernah sampai sana lah. Saya sampai tadi macam yang saya cakap tadi di sekolah menengah sampai SPM je kan... so that it lah mungkin, mungkin saya tak berminat untuk sambung belajar lagi sebab masa tu saya dah start bekerja kan.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

SOALAN: KERJAYA AWAL

ZAM *Okay* [Baik], seterusnya um kita beralih ke soalan berkenaan pengalaman kerjaya. Apakah pekerjaan pertama Encik setelah tamat pengajian dan adakah ia berkaitan dengan bidang pengajian Encik?

SA kalau diikutkan saya dibesarkan dengan keluarga angkat saya tu memang mereka memiliki sebuah restoran lah di Petaling Jaya. Nama restoran tu restoran cahaya bulan so boleh katakana saya membesar dengan dengan suasana restoran lah, memang tiada kena-mengena langsung lah. Tapi setelah saya er bekerja sendiri saya lebih banyak melibatkan diri dalam er bidang-bidang perkhidmatan lah. Contohnya perhotelan, er promoter, tebar roti canai... sebab tu saya boleh tebar roti canai kan.. kerja kontrak. So banyak, banyak saya pasal ikut-ikut kawan kan dan orang cakap pasal nak timba pengalaman kan.. jadi banyak lah pekerjaan dan paling lama saya rasa er tukang masak pun saya pernah juga saya pernah jadi tukang masak memang masak saya kan... saya jadi tukang masak di restoran Jepun, lepas tu saya melibatkan diri um membantu pemiagaan saudara-mara di Singapura daripada tahun 87 sampai 94... tujuh tahun lah saya dekat Singapura... saya berkhidmat sebagai juru jual kat sana di sebuah butik... butik baju-baju melayu, pakaian er kelengkapan haji er lebih banyak macam tulah benda kepada islamik dan pakaian tradisional melayu lah, songkok, capal, samping, baju melayu, naju kurung semua tulah. Jadi tulah saya rasa nak ikutkan relevan dengan kerja saya memang tiada langsung h sebab tu boleh saya katakan memang mungkin ramai yang tak tahu sebenarnya kerjaya yang saya ceburi ni sebenarnya bukan lah salah satu impian saya ataupun minat saya ataupun cita-cita saya. minat mungkin dalam bidang muzik la saya suka bermain alat muzik, saya suka menyanyi dulu lah, tapi tu kira orang cakap macam menjadi 'mat tembok' la menyanyi memekak-

memekak je kan. Dulu takde karaoke kan... ha jadi gitar ni sebab saya dibesarkan di rumah pangsa, di seksyen 17 Petaling Jaya so dekat situ er dekat situ lah tradisi tahun 70-an/80-an tu memang kalau jadi bangsa melayu ni dia macam sinonim sangat dengan gitar. Sebab kena, kena belajar... kawan kalau boleh main gitar kita pun kena pandai juga. kita macam ada iri hati sikit kan 'hahahaha'. Dia macam 'eh member boleh main takkan kita tak boleh main', jadi kalau ikutkan dekat situ lah saya macam terpujuk sikit lah bakat seni tu tapi nak kata cita-cita saya memang bukan lah. dimana saya pun terjebak dalam, dalam bidang seni ni pun secara, secara tak sengaja.

ZAM , *Okay* [Baik] **soalan seterusnya siapakah yang selalu memberi sokongan dan dorongan kepada Encik Saiful untuk kerjaya Encik?**

SA dari segi bidang seni memang tak ada lah. memang tak... oak kata ibu bapa pun tak juga h adik-beradik pun tak juga, tapi saya rasa mungkin rakan-rakan lah, rakan-rakan yang memang macam saya cakap tadi lah main gitar sama-sama, melalak sama-sama 'hahahaha' kan h. Diorang yang banyak bagi keyakinan lah 'boleh.. boleh engkau boleh' macam tulah. boleh apa saya tak tahu jah kan 'hahahaha' ... b oleh, kadang-kadang pun boleh 'blah' pun boleh juga kan 'hahaha', so jadi saya ni mungkin permulaan saya ni, saya ni sejenis er sifat saya la, saya memang, saya ni agak kemaluan sikit orangnya hahaha'. Saya ni memang pema]u sikit... jadi saya tak suka berada di depan. Mungkin kalau saya rasa saya nak masuk bidang seni pun saya suka dibelakang tabir, seperti

menjadi seorang er..er penulis skrip, contohnya la kan apa-apa saja lah kerja dibelakang tabir, mungkin pengarah apa saja lah. mungkin juru kamera sebab saya memang... saya susah sikit nak untuk kedepan, sebab saya ni ada... ada gemuruh sikit h saya... jadi mungkin sekarang ni orang tengok je Saiful Apek orang fikir 'tak mungkin la dia ni gemuruh' kan.. 'hahaha'. Tapi... tapi itu pengalaman la, maksudnya dia tidak... tidak semudah itulah untuk menjadi seorang yang Bemama Saiful Apek h, kalau tidak kerana mereka-mereka yang memberi inspirasi lah, dan ada seorang kira macam boleh saya katakana sifu saya juga lah yang, yang bertanggungjawab untuk membuatkan saya terbabit dalam bidang seni ni Allahyarham Hanif Haji Kasim lah. So dial ah orang pertama Ketika itu beliau memang bertugas di TV3 sebagai penerbit, dan disitu juga saya di, di apa, di perkenalkan dengan Paknil. H dekat situ sayacmula-mula kenal Paknil lah. So boleh dikatakan um mereka ni lah antara yang banyak memberi keyakinan lah sebab bila kita cerita pasal er bidang lawak ataupun komedi, kalau kita tengok bidang-bidang seni yang lain contohnya tarian, pengacara, lakonan, nyanyian dan sebagainya, semua kita.. dia ada akademi yang khusus untuk melatih, mendidik, memggilap dan sebagainya tapi satu-satunya bidang seni yang tak mungkin, tak mungkin boleh ada wujudnya akademi komedi, sebab saya rasa dia, dia sangat-sangat subjektif sebab kalau kata orang tu cakap, orang tu tanya saya 'bang, macam mana nak jadi pelawak?'. So bila timbulnya pertanyaan macam mana nak jadi pelawak maknanya dia taka da lah benda tu. 'hahaha'. So pada saya dia memang, dia satu

anugerah bakat semulajadi memang kita tahu anugerah ni pinjaman lah. dan selain daripada ... selain daripada itu untuk menjadi melayakkan seseorang tu untuk berada dalam bidang komedi ni sendiri sebenarnya satu dia kena ada bakat yang kreatif lah maknanya dia ada kreativiti, tapi tunjang utama dia adalah ilmu dan etika. Maksudnya ilmiah dia kena ada adab pun dia kena ada. Sebab tu saya cakap lawak ni kalau kita terbalikkan ejaan dia 'l a w a k' kalau kita terbalikkan dia akan jadi 'k a w a l' kawal. sebab, sebab komedi ni dia, dia berat sikit tanggungjawab dia, sebab tu saya selalu sifatkan diri saya bukan sahaja sebagai seorang pelawak yang, yang yang menggembira, menghiburkan orang tapi secara tak langsung menjadi seorang doktor yang merawat dan juga sebagai seorang cikgu yang mendidik. sebab tu dia, dia punya.. dia punya skop sangat besar h. So macam tulah serba sedikit tentang er minat saya tu la.

ZAM Oh... *Okay* [Baik] Seterusnya, jika tidak keberatan, boleh kami mengetahui gaji Encik pada awal pekerjaan tu?

SA a pada awal? masa, masa saya mula-mula digandingkan dengan OG Ahmad Daud tahun 96 tu, itu yang mula-mula saya rasa lah mula-mula. Besar tak besar kecil tak kecil lah masa tu kak OG dia dapat satu setengah, saya pun dapat satu setengah. bunyi dia macam sama kan tapi kak OG RM1500 saya RM150. 'hahahaha'. Jadi kita kena akur lah bila tahap permulaan tu memang kita akan mula dengan kecil dan akan meningkat bila kita berusaha.

ZAM .. seterusnya bagaimanakah keadaan persekitaran kerja yang Encik Saiful suka?

SA Hi yela bila kita 'contact' selain kita cakap pasal kerjaya saya komedi ni bila kita nak menghiburkan orang 'of course' kita nak bagi orang hilang 'stress' tapi sebelum kita bagi orang hilang 'stress', kita sendiri pun tidak boleh berada dalam situasi yang 'stress'. So pada saya sebenarnya suasana kerja tak kira la dimana sekali pun apa sektor sekali pun baik dari segi pekerjaan mahupun perniagaan yang paling sekali ialah bila kita ada keserasian dengan semua orang, kita ada ukhwah yang manis kan... semua bekerja sama aling melengkap, so itu saya rasa tunjang utama la untuk kemanisan setiap premis pekerjaan lah. Itu paling penting la sebab bila kita 'stress' macam mana kita nak hilangkan 'stress' orang kan.. especially komedi ni kan? Jadi itulah saya rasa suasana kerja yang macam itulah yang, yang saya selalu harapkan la dan alhamdulillah lah, alhamdulillah walaupun kadang-kadang kita akan berdepan dengan macam-macam cabaran, dugaan kan? tetapi memang Allah takjanjikan hidup kita mudah tapi Allah permudahkan kita bila kita yakin, kita percaya, kita 'husdnuzon', kitajangan putus asa kan.. terus istiqomah In Shaa Allah ya tulah.

ZAM a, Pada pendapat Encik Saiful, apakah etika terpenting semasa bekerja?

SA etika paling penting sekali er saya rasa kita kena ada 'pasangan' jujur dan ikhlas lah. Sebab bila kita jujur, In Shaa Allah kita akan ikhlas, bila kita ikhlas In Shaa Allah kita akan jujur. So ini adalah dua.. yela kalau kita tengok idola kita lah

Rasulullah S.A.W mempratikkan benda yang sama dimana kejujuran dan keikhlasan tu dituntut dalam pekerjaan sebab kadang-kadang banyak orang cuba nak pisahkan antara dua 'partition', dimana er ibadah adalah ibadah kerja adalah kerja. Pada saya tak, kalau kita ikut konteks sebenarnya adalah ibadah tu sendiri adalah kerja dan kerja itu sendiri adalah ibadah. So.. jadi kita kena faham lah konteks tu dalam kita bekerja ni selain daripada kita jujur dan ikhlas In Shaa Allah la kita akan terpelihara lah. Maknanya proses kita akan belajar lebih matang. 'Of course' bila peringkat permulaan banyak kesilapan kita akan lakukan, khilaf. So daripada situ kita akan belajar lah. So itu proses dia sebenarnya apa kriteria yang perlu ada tak kira apa sahaja pekerjaan.

ZAM .. Okay [Baik] seterusnya siapakah rakan sekerja yang membantu Encik Saiful pada awal pekerjaan?

SA a rakan sekerja saya rasa er paling, er saya selalu mungkin kadang-kadang orang kaitkan dengan rakan sekerja kan macam contoh rakan-rakan artis, tapi sebelum ke rakan artis saya akan paling dekat dengan saya adalah pihak pengurusan lab pihak, pihak pengurusan ni sangat penting sebab dia yang mengatur semua benda. dia akan memudahkan semua benda kan.. sebelum kita bekerja. Dari segi jadual, dari segi kewangan, perancangan, perbincangan dan sebagainya lah. So paling, itulah saya rasa yang paling dekat adalah pihak pengurusan. itu sebelum kita bekerja yela bila dengan rakan-rakan kerja yang lain kan. Itu first sekali yang paling rapat dengan kita. sebab dia yang akan memudahkan semua benda

tu dan memastikan kelancaran pekerjaan kita tu.

ZAM Seterusnya, adakah Encik Saiful masih berhubung dengan mereka?

SA saya, saya jarang berbubung tapi saya selalu dibubungi. 'Hababaha'. Sebab untuk peringatan kan. 'Reminder' ... semua benda lab, dari semua segi lab. Tapi kalau bercerita dari rakan-rakan artis.. tulab saya cakap dengan adanya aplikasi-aplikasi yang lebih mudab sekarang seperti 'wbatsapp', 'telegram', 'google meet' media sosial itulab salab satu macam mana kita akan sentiasa berhubung sebab bila, bila masing-masing sibuk dengan tugas kadang-kadang macam tu la, bila dia sibuk kita pula tengah ada kelapangan, bila kita sibuk diorang pula ada kelapangan, jadi masa tu kadang-kadang agak terhad kan. tapi itu lah saya rasa bersyukur sangat dengan adanya teknologi sekarang ni dengan media sosial apa semua, so dia tak putus lah. So sebab pada saya ukhwah ni ibarat tasbih, ada permulaan tapi takkan ada pengakhiran. So kita lah bertanggungjawab untuk untuk eratkan lagi sillaturabim dan maniskan lagi ukhwah tu.

SOALAN:KERJAYASEBAGAIPELAKON

ZAM .. Seterusnya bilakah Encik mula bergiat aktif dalam bidang kerjaya sebagai pelakon?

SA Um... kalau ikutkan daripada er tabun 95 lab, 95 tu adalah lakonan saya yang

pertama, skrip... skrip saya sendiri yang tulis, saya yang ilhamkan skrip tu, so pada tahun 95 ...saya diberi tanggungjawab untuk mengolah skrip sempena hari raya yang bertajuk 'alkisah'. Mungkin, mungkin ramai yang tak tahu la kot tapi kalau dekat... mungkin dekat TV pun tak perasan kalau ada ulangan, tapi itulah lakonan saya yang pertama er... Bersama dengan heroin saya Zarina Zainudin dan ada juga yang lain-lain Azli, Lan pet-pet. Masa tu saya belum join lagi Senario, ada Shamsul Ghaul-Ghaul, ada Farouk Rusin, ada Kumin dan ramai lagilah kat dalam tu. So itu adalah lakonan saya yang pertama er sebagai pelakon, walaupun saya tak ada basic untuk lakonan tapi saya sentiasa dibimbing lab. Macam saya cakap tadi tu yang Allahyarham Hanif Haji Kasim tu dialah, ini kira projek dia lah, so selepas pada tahun 95 tu er.. er.. program tu mendapat sambutan dan dilanjutkan pula pada tahun 96 dan juga 97, so 'alkisah' ni ada tiga Jah, 'alkisah 1', 'alkisah 2', 'alkisah 3'. Jadi setiap hari raya orang akan tunggu, tapi masa tu belum ada lagi nama saya Saiful Apek tu taka da lagi, tak wujud lagi. So orang akan cakap 'Saiful mana' sama ada Saiful sinaran passport kegemilangan ataupun Saiful alkisah. So itu adalah lakonan saya yang pertama lah. So lepas pada tu baru saya join dengan Senario pada tahun 97 disitu lakonan saya dalam sitkom dan sekaligus filem saya yang pertama Senario the movie lah er pada tahun 1999. Disitulah er permulaan saya lah.

Z A M *Okay* [Baik], **bagaimana Encik Saiful boleh terlibat dalam lakonan?**

SA Em... kalau ikutkan er.... Itulah permulaan dia tu saya buat skrip, saya buat

skrip untuk 'alkisah' tu, saya tak ada fikir pun saya akan berlakon dalam cerita tu, tapi bila diorang saya cakap dengan diorang ' boleh tak, boleh tak saya nak minta kebenaran untuk saya pergi tengok *Shooting* [Penggambaran] untuk merasakan pengalaman tu sendiri kan nak tengok macam mana mereka melakukan pengambaran tu. So saya tak tahu sebenarnya mereka sendiri dah buat keputusan saya akan berlakon dalam tu, so macam 'surprise', so bila saya datang kat situ sebagai penulis skrip tiba-tiba saya kena berlakon. So(hahaha) itu yang saya cakap banyak konteks saya dalam bidang seni ni banyak yang tak sengaja, yang... yang diluar jangkaan saya.

ZAM *Okay* [Baik] seterusnya sudah berapa lama Encik terlibat dalam bidang er... lakonan?

SA kalau bidang lakonan tu daripada 95 lah, tapi kalau dalam bidang seni ni start daripada tahun 94 lah, so sekarang ni mungkin dalam 27 tahun lah.

ZAM . Seterusnya adakah menceburi bidang seni merupakan cita-cita Encik aejak kecil lagi?

SA Em itu macam yang cakap tadi lah, saya tak pernah impikan pun untuk masuk dalam bidang seni, bukan cita-cita dan bukan minat saya. Tapi saya berpegang pada satu lah er tak semua yang kita nak kita akan dapat, tak semua yang kita tak nak tak kan tak dapat. So segalanya ketentuan lah dan berkat usaha kita juga lah, antara nak dengan tak nakje. Tapi kadang-kadang orang-orang keliling kita

ni yang menjadi cermin pada kita, orang-orang yang bersifat sahabat ni kadang-kadang Nampak nilai kita. Of course kita tak boleh nak nilai diri kita, kita tak boleh nilaikan 'oh bakat aku macam ni', 'oh aku bagus ni', tak boleh. jadi orang-orang sekeliling ni yang kadang-kadang yang biasanya akan beri keyakinan yang memberitahu potensi kita. So dengan ada keyakinan ni, kita mempercayai mereka-mereka ni dan mereka pulak akan membimbing kita. Sebab saya bukan dari akademi, jadi kalau ada akademi, saya ada basic, mungkin benda tu mudah. So jadi benda ni tidak mudah pada saya. Er tapi kerana saya focus setiap bimbingan yang diberijadi benda tu yang memudabkan semua pihak lah, memudabkan pihak penerbitan dan memudabkan saya juga.

ZAM seterusnya siapakah idola Encik Saiful dalam bidang lakonan?

SA kalau dalam bidang lakonan saya just nak taruh struktur dia lebih kepada bidang seni la kan saya memang.. saya rasa compass ataupun inspirasi utama kalau dalam perindustrian seni Malaysia ni sendiri saya rasa memang Allahyarham Tan Sri P.Ramlee lah. a kenapa saya cakap macam tu sebab er beliau bukan sahaja bukan sahaja di angkat, dijulung kerana bakat beliau dalam lakonan tapi juga dalam bermain alat muzik, mencipta lagu, menulis lirik , berlawak, mengarah menyanyi dan sebagainya. So pakej tu ... dia satu pakej yang saya rasa sampai sekarang tak ada... belum ada lagi lah. sebab kita tahu individu ni tak kira siapa sekali pun memang tak boleh diganti. So maca tujuan saya sendiri dalam bidang seni saya agak tidak setuju bila mereka cakap saya ni pengganti .

Tetapi apa yang saya boleh cakap pelapis-pelapis barn ni adalah penyambung, penyambung legasi . So jadi itulah saya rasa macam inspirasi saya sejak daripada saya banyak... sebab pengaruh-pengaruh saya dalam bidang seni ni pun banyak daripada beliau lah dan selepas-selepas tu memang ada ramai lagilah macam M.Zain, Allahyarham Dato Aziz Satar, S.Shamsudin, lepastu masuk pula ke zaman Mat Sentul, and then A.R Badul, R. Jaafar Tawil, Hamid Ghurka, Yahya Sulong, and then masuk pula lagi satu lagi era iaitu Salleh Yaakob, dan arwah Mr. Oss, R. Capan dan masuk pula era 'pi mai pi mai tang tu' kan kita ada Emuda, so... so perjalanan tu dari segi konteks komedi dia itulah pengaruh yang banyak memberi inspirasi dan pengaru kepada saya lah.

ZAM *Okay* [Baik] **seterusnya, apakah filem dan drama yang ditawarkan kepada Encik?**

SA Em... kalau ikutkan telefilem yang tadi tu la saya cakap 'alkisah' tahun 95. Tapi kalau filem tak salah saya 'mimpi moon'. 'mimpi moon' tu er Tarikh er tahun yang saya... sesi penggambaran dia tahun 98. tetapi saya rasa Senario the movie keluar dulu. so itu antara tawaran yang saya dapat laemuntuk filem dan telefilm lah. Untuk drama saya rasa saya tak pasti la drama mungkin drama saya tak pernah ada kot.. ... mungkin skop dia lain sikit kan drama taka da tapi kalau telefilem, sitkom, filem yes.

ZAM **Seterusnya, apakah filem yang terkenal yang dilakonkan Encik Saiful?**

SA (hahaha) agak subjektif juga lah kalau terkenal tu saya takt ahu nak cakap terkenal tu dari segi pengaruh ataupun dari segi kutipan ke tau segi sambutan ke kanjadi macam subjektif sikit kan. Tapi er kalau saya rasa macam lakonan yang awal-awal lah memang Senario lah. Senario the movie, Senario lagi, lagi-lagi Senario lepas tu saya dah tidak Bersama dengan Senario dan pada telefilem macam 'Champion' cerita pasal Snooker tu, h lepas tu baru jutawan fakir, anak mami Kembali dan sebagainya lah. So tapi boleh saya katakan kalau saya nak rumuskan semua filem, saya rasa antara filem pengaruh yang paling besar pada semua golongan maksudnya dari segi tak kira umurlah, kanak-kanak ke mak bapak ke orang tua, orang dewasa dan semua bangsa perlu saya tekankan kat sini semua bangsa, sebab er market saya ni filem melayu memang untuk orang melayu sahaja. Tetapi satu-satunya filem yang saya tengok semua bangsa ada, bangsa Cina, bangsa India, bangsa Serani dan banyak bangsa lagi lah yang menonton filem antaranya adalah filem superhero yang pertama di Malaysia lah iaitu Cicak-man lah. H sama juga Cicak-man 1 hingga Cicak-man 2, lepas tu kita ada Duyung. So ini antara saya rasa filem-filem yang paling 'stage' lah. filem-filem yang, yang boleh dibanggakan lah. Bukan kata filem-filem lain tu tak bagus, tapi bila kita nak lihat dari, dari perspektif sambutan yang di luar jangkauan tu memang itulah dia Cicak-man 1 dan 2 lah.

ZAM hm. Seterusnya apakah filem yang telah Encik lakonkan dapat memberi impak positif terhadap semua penonton ataupun masyarakat?

SA rata-rata tak kira lah sebab dalam banyak-banyak filem pun bukan saya jadi teraju utama, kadang-kadang saya jadi pelakon pembantu, kadang-kadang penampilan khas. Tetapi memang walaupun sekil-kecil watak saya, saya rasa impak dia ataupun kesan dia kadang-kadang dari segi penampilan, dari segi watak yang saya bawa tu dari segi dialog tu kadang-kadang ada orang ingat, kadang-kadang saya pun dah lupa. jadi saya rasa sebenarnya ia agak subjektif juga la maksudnya nak cerita pasal kesan ni dia yang paling penting ia memberi kesan yang positif la, belum ada lagi cerita yang contoh saya jadi perompak dia tengok cerita tu dia pergi rompak bank, tak ada lah. (hahaha). Maksudnya dari segi pengaruh positif lah pengaruh positif banyak la mungkin dialog-dialog yang diorang amalkan bila bersenda gurau dengan kawan-kawan dengan adik-beradik h diorang dah sinonim menggunakan dialog-dialog tu. jadi itu saya rasa kesan-kesan positif la maknanya bila adanya dialog-dialog ni diorang, diorang sinonim kan dalam kehidupan mereka seharian Bersama keluarga, Bersama kawan which is saya rasa benda tu satu benda yang positif lah.

ZAM Hm bm bm. seterusnya apakah watak yang paling digemari dan tidak dapat Encik Saiful lupakan?

SA Watak yang digemari eh... sebab saya... saya rasa setiap watak yang saya bawa tu berdiri dengan kekuatan dan keistimewaan yang tersendiri lah. So agak sukar juga kalau saya... saya nak cakap watak mana tapi sebenarnya saya rasa kalau

watak yang mencabar kalau disentuh tentang watak-watak yang mencabar memberi kesan, adalah watak-watak yang lebih antagonis, yang lebih serious, maknanya diluar... diluar kotak daripada saya punya premis komedi. macam contoh baru-baru ni ada lakonan saya dalam filem er 'Kampung Barn' yang diarahkan oleh abang Aziz M. Osman, yang ditayangkan di RTM. So itu saya rasa macam macam lengkap lah perjalanan saya dalam er bidang seni ni bila ada kriteria tu. Sebab bila kita tengok Allahyarham Tan Sri P.Ramlee sendiri pun bila dia, dia watak komedi memang orang akan gelak tapi bila watak serious memang orang akan tersentuh dan menangis so saya rasa itulah pada saya lah seniman yang Berjaya bila dia boleh merangkumi semua perspektif dan semua aspek. dan antara, antara cerita-cerita yang yang saya melakonkan watak-watak yang lebih... tidak terlalu komedi seperti 'striker hati ayah', 'last copaque havoc', dan ada lagilah beberapa lakonan saya macam 'nasi lemak 1.0' baru - baru ni, 'hantu kuat ketawa'. So ini adalah watak-watak yang saya ... yang saya inginkan sebab selalunya bila orang bagi saya watak komedi tu adalah sesuatu yang mereka inginkan, saya Cuma memenuhi fitrah kerja saya dan tuntutan kerja. Tetapi bila, bila cerita tentang apa yang saya suka, saya suka menyampaikan sesuatu yang lebih berat. sama juga dalam dari segi nyanyian pun macam tu juga. Mungkin ramai orang dah... dah sedia maklum dab, dah sinonim dah kalau Saiful Apek lagu komedi, lagu Senario, lagu aspalela dan sebagainya. Tapi saya lebih suka... jiwa saya lebih, lebih er pada lagu-lagu yang lebih serious, mungkin lagu-lagu yang tentang kehidupan, tentang masyarakat,

tentang ketuhanan... so itulah saya punya jiwa yang sebenar. Jadi apa yang orang tengok tu itu tuntutan kerja. Jadi kalau saya sendiri, saya prefer yang mana itulah apa yang saya nyatakan tadi lah.

ZAM Eh hm hm... maksudnya luar daripada komedi la? Saya disini

SA ya... luar daripada komedi.

ZAM *Okay* [Baik]..

SA Shafie tak nak tanya apa-apa ke? Kesian Shafie tengok daripada tadi dia... dia dudukje tu h... dia macam "security" pula duduk dekat situ ... dia tak tanya apa-apa... Zul bagi la Shafie "chance" pula tanya.

SS Boleh-boleh ...

SA takut-takut la soalan selingan la satu soalan selingan la Shafie .

SS Pada pendapat Encik Saiful berkaitan isu pelawak wanita yang bermain dengan isu agama>

SA Oh apa komen saya? *Okay* [Baik] sebenarnya benda ni berlaku... kalau kita cerita dia sebenarnya bukan konteks komedi sahaja, bila kita mengenai hina dan mengaibkan itu adalah sesuatu yang tidak sepatutnya. Benda ni berlaku dari zaman Rasulullah lagi kan... memang ada wujudnya perkara ni jadi saya rasa mungkin kebetulan kali ni konteks dia yang tengah viral ni sekarang dikaitkan

dengan komedi... sebab tu saya cakap tadi lawak tu kalau kita terbalikkan kawal... sebab bila kita kawal kita akan mendidik dan merawat ... so pada saya sebenarnya bukan pada... pada orang melayu sahaja ataupun orang islam sahaja, saya rasa prinsip ni pun sama juga dengan orang yang bukan berbangsa melayu dan bukan beragama islam. konteks dia dari segi kemanusiaan lah. Sebab kita... kita hidup dalam Malaysia ni kan kita berbilang bangsa, kita Muhibbah masyarakat kita antara negara disegani negara luar ialah bila kita mengamalkan Muhibbah ni. Kita dah taka da isu-isu perkauman ni kita taka da ... jadi ia agak tidak wajar walaupun benda ni tidak banyak berlaku tetapi iannya adalah sesuatu yang perlu dibendung lah ... *So* [Jadi] saya bukan sahaja konteks komedi dari sudut penggunaan media sosial sendiri pun aa akita kena praktikkan benda tu sebab yelah antara amalan mulia paling mudah ialah mulia antara sesama manusia tak kira bangsa ataupun agama *So* [Jadi] itu benda tu dituntut sendiri dalam islam.

ZAM *Okay* [Baik] seterusnya bolehkah Encik Saiful ceritakan bagaimana Encik Saiful dapat menjayakan setiap watak yang diberikan kepada Encik?

SA Em... *Okay* [Baik] banyak kadang-kadang orang cakap dari segi lakonan ni kena ada 'homework', kena ada 'rehearsal', kena ada Latihan dan sebagainya. Tapi pada saya sendiri kalau watak-watak komedi selalunya saya Cuma lebih kepada faham cerita. sebab tu kadang-kadang orang cakap "macam mana abang hafal dialog, adakah abang hafal skrip". Sebab tu kita tengok konteks dari segi

hafal dan faham ni dia sesuatu yang berbeza. Sama juga bila orang menghafal sebuah lagu contohnya dia nyanyi hanya kerana atas dasar dia hafal tapi belum tentu dia faham kan ? **So** [Jadi] sama juga dalam lakonan ni, kalau orang tu menghafal kadang-kadang belum tentu dia faham. **So** [Jadi] bila tiada kefahaman, **So** [Jadi] dia punya dia punya ketulusan ataupun ketulinan dia untuk menghayati satu watak tu kadang-kadang tidak Berjaya ataupun tak sampai. **So** [Jadi] pada saya sendiri memang ... satu-satu lakonan tu selalunya dari segi sk:rip lah, sk:rip kena faham cerita dia... perjalanan cerita dan watak-watak yang ada dalam cerita tu sendiri siapa kenapa ada dalam cerita tu dan cerita ni sebenarnya apa dia punya prinsip ataupun hala tuju cerita ni sebenarnya nak ke mana. **So** [Jadi] daripada situ sendiri bila saya faham seluruh skrip tu dan cerita tu sendiri dan barulah bila pergi dekat 'set' tu saya ni pula saya mengamalkan 'try and or' maknanya cuba memberanikan diri untuk berk:reatif dalam berkarya. Sebab saya rasa macam... saya antara mereka yang ada lesen besar la untuk mencuba, berani cuba sebab bila saya cuba barn saya tahu dia ada dua sahaja risiko dia sama ada diterima ataupun ditolak. **So** [Jadi] memang ada proses tu kadang-kadang benda tu tak sesuai jadi saya kena akur kita kena... orang cakap sebab kita bekerja dengan majoriti kan? Jadi selalunya saya macam 'take one' mungkin dia macam ni 'take two' dia jadi macam ni, 'take three' dia jadi macam ni... **So** [Jadi] dia sentiasa dari masa ke semasa dengan bimbingan, dengn kefahaman... benda tu diselarikan untuk menjayakan watak tu. Sebab kadang-kadang bila kita berlakon kita tak Nampak apa yang

kita buat... pengarah yang akan Nampak dekat 'monitor' dan skrin tu. **So** [Jadi] jadi saya selalunya bila habis setiap babak saya akan sama ada pengarah tu sendiri akan tunjukkan 'playback', maknanya kita tengok balik ulang tayang balik ataupun saya sendiri yang akan 'request' untk tengok 'playback' tu. Kadang-kadang kita diberi kelonggaran juga kalau macam kita tak berpuas hati atau pengarah tu sendiri tak brpuas hati kita akan buat lagi. sampai la sehingga benda tu positif lah dia ada kesan... maknanya sampai, kesampaian untuk memenuhi tuntutan skrip tu sendiri lah.

ZAM Eh hm hm... *Okay* [Baik] seterusnya, apakah watak yang paling mencabar yang pernah dilakukan Encik Saiful?

SA Em... watak mencabar selalunya em... macam saya cakap tadi lah watak-watak yang lebih serious la yang bukan komedi sebab kalau watak komedi ni kerisauan dia bila kita buat sesuatu menyampaikan sesuatu elemen lawak tapi mereka tidak gelak aa aitu sesuatu cabaran lah. Tapi selalunya diluar jangkaan saya rasa benda tu tak ada apa kan? macam contoh laa kan dalam 'Jutawan Fakir', dialog dia 'bertindak mengikut arahan' contoh, tapi bila saya sampaikan ' hu ar ar ar bertindak mengikut arahan' jadi penyampaian saya tu sendiri dia, dia tidak ditulis dalam skrip tu untuk disampaikan macam mana, dia 'straight forward' sahaja dekat situ 'bertindak mengikut arahan', **So** [Jadi] jadi saya rasa cabaran dia sebenarnya bila saya nak tinggalkan sesuatu 'trademark' ataupun satu 'signature' ataupun sesuatu kesan yang saya boleh tinggalkan dalam setiap

filem ... dalam setiap watak yang saya bawa. Sebab itu bila... bila dalam filem-filem yang selepas pada filem tu saya akan pastikan dia tidk ada persamaan. maknanya kalau dalam filem ni, *Okay* [Baik] 'hahaha'filem ni dialog dia watak dia macam ni, kalau yang ini begini. Jadi itu cabaran ia kepada saya lah untuk setiap komedi tu sebenarnya perlu ada sesuatu yang... yang meninggalkan kesan, maksudnya dari segi penyampaian watak tu. tu cabaran dia la, sebab kadang-kadang dalam skrip dia tulis 'straight forward' sama juga dalam filem 'cicak-man', 'cicak-man'pun dia 'straight forward' tetapi saya perlu 'create', *So* [Jadi] dalam erti kata puitis saya kena memberi rohani pada watak tu, saya kena beri jiwa kepada watak tu, macam mana dia punya pergerakan badan dia, mimik muka dia, lepas itu saya kena bagi latar belakang pada dia. Mungkin benda tu tiada dalam skrip, contohnya 'dia ni suka makan pedas, di ani suka dengar lagu macam ni, di ani tak suka kawan dia ni kutuk dia', benda-benda macam tu. Jadi, benda-benda tu la saya rasa satu cabaran yang diluar diluar akademik la. yang saya kena terapkan. *So* [Jadi] itulah cabaran dia untuk setiap lakonan saya dalam setiap filem saya akan pastikan dia ada 'value' dia dan juga 'weight' dia tersendiri.

ZAM seterusnya, sepanjang terlibat dalam industri hiburan, berapa banyak watak dan filem yang pernah Encik Saiful lakonkan?

SA Berapa banyak watak?

ZAM Ha'aa...

SA Watak saya tak pasti berapa banyak lah sebab kadang-kadang dalam satu filem saya bawa dua, tiga watak kan 'hahaha' [ketawa]. *So* [Jadi] tapi kalau keseluruhan sepanjang 27 tahun ni dah 60 lebih filem lah. itu tak termasuk, maksudnya dia setiap filem. tu tidaklah semua watak utama, ada yang watak 'supporting', ada watak penam.pilan istimewa dan sebagainya la.

ZAM **Em apakah watak yang perlu bercakap loghat masih belum Encik pegang?**

SA Ah watak yang belum saya pegang lagi? Belum saya...

ZAM ... [betul]

SA , saya rasa macam banyak dah watak-watak 'hahaha'[ketawa], jadi kanak-kanak pernah, jadi perempuan pernah, jadi makcik, jadi orang tua, jadi orang gila, jadi watak-watak purba, watak 'superhero', watak bapak dan sebagainya... banyak la sebenarnya watak-watak tu mungkin watak watak polis tak pernah ada lagi 'hahaha' [ketawa]. Mungkin muka saya tak ada muka polis ke 'hahaha'[ketawa]. dari segi loghat pun banyak juga loghat kan, loghat utara, loghat pantai timur, loghat Negeri Sembilan, loghat Sabah. Jadi banyak juga adalah tapi tidak 'heavy' la sangat kan... Tapi antaranya watak-watak yang saya... saya, macam saya cakap tadi la, saya lebih... bukan kerana saya dah bosan dengan kom.edi, tak... tapi saya mencabar diri saya mencuba watak-watak yang lebih serious ... dia bukan semata-mata menghibur , dia watak-watak yang

boleh mendidik lebih berat... *So* [Jadi] mungkin watak macam tu saya tak pernah bawa, watak sebagai askar saya pernah bawa tapi untuk polis belum lagi. 'informal' polis pun saya pernah juga dalam 'gerak khas 3' "hahaha"[ketawa]. Tapi untuk polis saya macam teringin juga kan "haha" [ketawa].

ZAM "Hahaha" [ketawa]. Seterusnya, apakah Tindakan Encik Saiful sebagai seorang pelakon sekiranya berlaku permasalahan sewaktu lakonan?

SA H macam saya cakap tadi la kan... Allah tak janjikan hidup kita mudah, tapi Allah permudahkan kita, bila kita yakin, kita istiqomah, jangan 'give up' ... jadi kita rujuk, sebab kita ada 'team', bila melibatkan bidang yang saya ceburi ni berpsukan kan... *So* [Jadi] dia bukanlah permasalahan individu, jadi macam contoh saya tak sihat contohnya kan... jadi apa saya perlu buat... tapi bila saya tak sihat selalunya kena juga "hahaha" [ketawa]... sebab jadual tu sudah di susun kan... kita demam ke apa kita kena jalan terus. Tapi macam masalah-masalah lain tu selalunya kita ada pasukan kita boleh bercerita sama ada saya boleh bercerita dengan penerbit, dengan 'production manager', ataupun dengan pengarah sendiri ataupun dengan rakan sendiri. Jadi kita lebih merujuk kepada orang sekeliling kita lah. jadi itu cara saya lah nak menyelesaikan benda tu sendiri kadang-kadang... ada benda kita boleh selesaikan sendiri, ada benda yang kita perlukan pandangan orang lain lah. *So* [Jadi] saya rasa dalam situasi apa sektor pekerjaan sekali pun memang begitu lah sepatutnya.

ZAM Seterusnya, pada pendapat Encik Saiful apakah perkara yang perlu dilakukan oleh pelakon sebelum memulakan lakonan?

SA sebelum tu paling penting 'bismillahirohmanirohim' la ha itu yang paling penting dan 'nawaitu' [niat] kita mencari rezeki kan... *So* [Jadi] kita minta kita dilindungi, dipermudahkan dan dari segi kesihatan, dari segi keselamatan... semua lah, kita kena berdoalah... sebab tu bila setiap kali kita *Shooting* [Penggambaran] kebiasaanlah memang dah jadi lumrah dekat 'set' kami akan mulakan dengan bacaan 'al-fatihah' dan kita akan diiringi dengan bacaan doa lah. *So* [Jadi] ini penting sangat... pada saya penting walaupun kadang-kadang kita berurusan dengan 'production' siam, mungkin bukan melayu, bukan islam tapi kita tetap kena praktik benda tu. Sebab itu asas kita kan... sebab kadang-kadang kita bolrh terlalai, boleh terkhilaf dan sebagainya, jadi kita... yang paling kita prihatin sekali ialah dari segi keselamatan, keselesaan, dari semua sudut lah. *So* [Jadi] itu 'first' sekali lah yang paling penting... bila kita dah ada yang itu yang lain akan mudah lah... maknanya dari segi keserasian dengan pasukan, tak ada hasat dengki, taka da umpat-mengumpat, tak ada berghibah, tak ada fitnah, busuk hati danb sebagainya lah. Kita dilindungi lah , insha'Allah.

ZAM Wm seterusnya siapakah rakan artis dalam industri yang paling Encik rapat dan selesa?

SA saya 'hahaha'[ketawa]... saya selesa dengan semua orang, kadang-kadang risau orang yang tak selesa dengan saya, sebab apa... contohnya la kan, say ani

macam yang saya cakap tadi, saya kan pemalu, saya memang pemalu... jadi bila nak berkawan tu saya malu nak berkawan kan... tapi bila dah berkawan, kawan-kawan naik malu pula dengan saya 'hahaha' [ketawa]... diluar kawalan kadang-kadang kan... jadi saya kadang-kadang risau yang dia orang tak selesa dengan saya kan... kadang-kadang ia lah... kadang-kadang kita ni manusia mana ada yang sempurna, kadang-kadang kita rasa benda tu *Okay* [Baik], pada orang lain mungkin tak *Okay* [Baik], tapi yang paling pasti nya saya akan menjauhi dan menghindari bergurau menyentuh perkara-perkara sensitive seperti 'body shaming', warna orang ni, sifat orang ni bulat ke kurus ke... tak ada la... saya tidak bermain dengan benda-benda macam tu... sentimen-sentimen tu saya cuba hindari la. Jadi senang cakap saya selesa dengan siapa saja yang digandingkan, saya selesa. Cuma saya risau orang kadang-kadang selesa ke tak selesa dengan saya 'hahaha' [ketawa].

ZAM Soalan seterusnya, bagaimanakah Encik Saiful menjaga hubungan sesama rakan artis dan masyarakat luar?

SA Em... macam saya cakap tadi pembawakkan diri penting la, pembawakkan diri sebab kita walau macam mana kita dilabelkan orang yang berpengaruh, orang yang berjaya, yang gemilang, yang hebat, yang dilabelkan di puncak kejayaan. Sukses dan sebagainya... tapi saya meletakkan diri saya macam mana pun benda tu adalah proses peluang... saya mengambil peluang itu untuk memenuhi tuntutan peluang tu sebaik mungkin dan yang paling ... sifat kit ani

dijadikan daripada tanah jadi tak perlu kita nak melangit sangat sebab bila orang pandang kita hebat macam mana pun kita kena tahu sebenarnya yang menghebatkan kita sebenarnya yang maha hebat lah... sebab tu kadang-kadang bila orang cakap 'abang...abang dahsyat la' contoh la orang cakap kan... saya cakap 'saya tak dahsyat... saya ni menjadi asbab je'. sebenarnya yang dahsyat dia sebenarnya Allah cipta saya ni sebenarnya nak runjuk kuasa Dia... itu saja... **So** [Jadi] berbalik pada Dia[Allah]. **So** [Jadi] saya ni hanya asbab. Tapi kita dalam masa yang sama juga kita tak boleh lari daripada cemuhan, herdikan, kecaman dan sebagainya... 'of course' 'haters' ada dimana-mana sahaja 'especially' sekarang zaman netizen kan... dengan itu juga saya seimbang kan prinsip saya iaitu 'jangan hidup dek puji, jangan mati dek keji' **So** [Jadi] In Shaa Allah la dia tidak... dia In Shaa Allah kita akan... dekat dalam landasan yang sederhana tu, landasan akan membawa kita... kita akan dipelihara lab. Maknanya tak ada kita jadi apa... angkuh sangat bila dipuji lepas tu rasa macam 'depress' sangat bila dikeji, **So** [Jadi] yang itu saja la yang saya bawa... h mana-mana saja sampai sekarang.

ZAM Seterusnya apakah perancangan Encik bagi meningkatkan lagi kualiti dalam bidang lakonan?

SA ... macam saya cakap la.... Biasanya kalau macam kita ni pelakon tu sendiri sebenarnya adalah sebagai pekerja ataupun dalam Bahasa kasamya kuli lah. 'Hahaha'[ketawa]. Itu Bahasa kasar lab. Kita ada majikan, jadi kita tak boleh

buat sewenang-wenangnya mengikut apa yang kita hendak atau apa yang kita suka, tapi kita boleh cadangkan... kita boleh cadang, kitab oleh usulkan benda tu untuk perbaiki dari semua sudut lah. Maksudnya kalau kata untuk filem tu sendiri lah, untuk cerita tu, untuk cerita tu lah, untuk watak, untuk watak tu lah... tapi dalam masa yang sama sebenarnya yang boleh memperbaiki selain daripada diri saya sendiri adalah mereka di sekeliling juga. Contohnya pengarah lah saya letakkan pengarah ni sebagai 'khalifah' utama lah. Dia yang akan tentukan dari segi lakonan. Sebab itu saya belajar setiap kali bila saya melakukan apa sesi penggambaran apa sekali pun itulah yang saya belajar sampai sekarang... ada saja benda-benda baru saya belajar, kadang-kadang mungkin terkurang, kadang-kadang mungkin terlebih jadi untuk dapatkan dia punya ketepatan tu dalam kita nak memperbaiki ni sebenarnya kena ada satu tu kreativiti lah... kreativiti dengan keyakinan macam saya cakap tadi saya tekankan selalu. tetapi di sekeliling kita juga... penulis skrip, pengarah, penerbit ataupun rakan-rakan artis kan... mereka ni juga lah bertanggungjawab untuk memperbaiki kita... sebab mereka ni pada saya bersifat cermin, mereka lah cermin kita. *So* [Jadi] dalam kita nak perbaiki kadang-kadang kita rasa benda tu baik untuk kita tapi belum tentu baik untuk orang kan... jadi kita kena ada keseragaman dari segi tu... maknanya tak boleh la kita perasan 'syok sendiri' ... 'eh aku buat dah bagus dah ni'...ha akita buat sesuatu tu adalah kerana perjuangan kita dalam seni sebab saya pernah diberitahu oleh .. ada orang lama la dia cakap 'seni itu tidak buruk, yang memburukkan adalah orang yang

membawa seni tu'. Jadi tanggungjawab kita agak besar lab untuk menyampaikan satu-satu karya ataupun seni ni, kita bertanggungjawab sebenarnya buat... orang cakap 'buat kerja jangan selekeb' ...kita kena kemas, sebab tu bila kita berpasukan peluang ataupun risiko untuk benda tu jadi selekeb jadi kurang... sebab kita berpasukan . Itulah antara inisiatif saya untuk memperbaiki dari segi penyampaian saya dalam bidang seni.

ZAM *Okay* [Baik]... **pada pendapat Encik Saiful apakah benyuk Latihan yang baik untuk diberikan kepada pelakon yang baru menceburi bidang seni hiburan ini?**

SA Latihan yang baik pada saya berbalik pada ilmiah...ilmiah dengan adab lah. Tapi perlu saya tekan kan adab yang perlu kita kehadapankan dulu, sebab apa, pada saya orang yang berilmu belum tentu beradab, tetapi orang yang beradab sudab tentu berilmu. *So* [Jadi] itulah yang perlu kita tekankan dan kita didik pada... kita perlu rekrut kan pelapis-pelapis yang lebih muda, mereka-mereka yang baru untuk mereka fabam tentang pembawakan diri ataupun sifat diri ni yang mana sekaligus sebenarnya kita nak mengajak semua untuk memanfaatkan semua ...dari segi konteks kebidupan ini sendiri lab. *So* [Jadi] penting sangat sebab kadang-kadang saya melibat banyak kejadian ataupun 'timeline' perjalanam masa... dulu dia macam ni tiba-tiba lama-lamajadi macam ni pula... macam hanyut sikit, lupa diri dan sebagainya. Jadi perlu kita tekankan tadi bila

kita pegang pada adab, adab yang telah diterapkan oleh mak bapak kita, guru-guru kita, orang yang lebih tua daripada kita dan sebagainya. Jadi insha'Allah kita akan terpelihara. dalam erti kata lain perjalanan kita akan sentiasa terpelihara. Sebab dalam memperjuangkan seni... Cuma tahap Berjaya tu cepat dengan lambat sahaja. Sebab tu kita harus ada kesabaran juga selain daripada beberapa perkara yang saya sebut tadi... jujur, ikhlas dan baik sangka. Sebab bila kita berdoa sendiri pun Allah akan jawab dalam tiga bentuk, tiga bentuk itu tidak ada satu bentuk pun yang mengatakan tidak. Yang pertama Dia[Allah] akan jawab ya, yang kedua ya juga tapi bukan sekarang dan yang ketiga Dia akan jawab ya tapi bukan disini. Jadi ketiga-tiga doa kita ni dijawab dalam tiga bentuk 'ya' dia tidak ada 'tidak' pun. Jadi bila kita yakin dengan tu jadi kita tahu baik buruk ni kita sedang diuji sebab apa kita diuji sebab kadang-kadang orang cakap bila kita susah tu kita sedang diuji sebenarnya, bila kita senang pun kita sedang diuji. Jadi bila konteks tu kita pegang rapat, walaupun dari segi dunia semata-mata ni... kita kena ada benda yang 'balance' lah. Maknanya kita kena ada ilmiah untuk keakhirat dan kita kena ada ilmiah untuk keduniaan. Dia kena seiring walaupun ini konteks dia dari segi hanya semata-mata seni dan hiburan. Kita kena ada konteks tu. Sebab bila kita tak ada kita akan lari dari paksi sebenar itu yang akan membuatkan kita tersongsang, salah bawa, terlebih dan sebagainya. Ha aitu yang kita tak mahu.

ZAM Seterusnya, sepanjang kerjaya Encik Saiful sebagai seorang pelakon

apakah aspek yang di titik beratkan oleh Encik untuk mencapai kejayaan dalam menghasilkan sesebuah filem atau drama yang berkualiti?

SA

Okay [Baik] kita tahu kan sering dilaungkan azan 'baiyahlalfallah' mari lab menuju kejayaan. *Okay* [Baik] konteks kejayaan ni kita pun kena faham juga kejayaan. Kalau kita tengok surat khabar 'dua orang perompak Berjaya melarikan duit 3 juta' itupun kejayaan 'bahaha'[ketawa] jadi kita kena 'lock' kita kena spesifik kan kejayaan itu apa... kejayaan itu manfaat yang kepada diri kita dan kepada semua. Sebab tu Allah cipta kita berpuak-puak, berkaum dan sebagainya supaya kita saling mengenali. Kejayaan itu sebenarnya dia sangat-sangat besar skop dia... kejayaan tu dari sudut apa. maknanya kejayaan Bersama, kejayaan individu. Kejayaan kita ni sebenarnya pun telah membuktikan kejayaan ibu-bapa kita mendidik kita. Jadi kejayaan ni konteks dia sangat meluas. *So* [Jadi] kita kena capai daripada semua sudut. maksudnya bukan semata-mata untuk sedapkan bati orang atau nak kredit semata-mata, bukan semata-mata nak dijulang. Adakah itu sebenarnya kejayaan? Jadi kejayaan yang harus selaras, seiring dan seimbang dengan semua. Maknanya semua orang mendapat manfaat bukan la kejayaan tu semata-mata individu tu saja sendiri. Kejayaan ni haruslah bila kita Berjaya mengekalkan ukhwah kita dekat tempat kerja kita sendiri tu pun satu kejayaanjuga. *So* kejayaan ni konteks dia meluas, tapi dari segi konteks seni ni kejayaan tu sebenarnya selain dari apa yang saya cakap tadi tu kita kena bersifat terbuka juga... kita tak boleh cakap 'oo aku dah lama engkau tak payah ajar aku' tak boleh. Sebab kita sifat manusia kita akan belajar sampai mati. Jadi kita kena terbuka untuk belajar juga walaupun saya lebih lama kita kena terbuka pada orang yang baru mungkin perspektif dia yang mungkin kita tak perasan yang sebenarnya 'ha;a kan ini satu benda yang baru'. jadi kena ada sifat terbuka tu. Kadang-kadang dia ada sifat 'g_rading' ataupun 'level'. *So* [Jadi] dia tak boleh macam tu. Kejayaan ni dia tidak terhad kepada benda-benda tu semua. Dia tak ada had. pada saya kita kena bersifat terbuka. Sebenarnya kita kena hapuskan satu benda lah, bila kita jahil,

kita buat sesuatu khilaf tu kita tak tahu, In Shaa Allah kita boleh bimbing, kita boleh didik. Kalau jahat pula, dia tahu tapi dia buat juga... tapi In Shaa Allah pun masih boleh kita bagi kesedaran dan pintu taubat sentiasa terbuka. Tapi bila menjadi golongan yang ketiga ni bersifat sombong, sombong ni lah antara penyakit yang paling bahaya dalam manusia sebab kita tahu dosa yang pertama dilakukan juga adalah dari iblis kerana sifat sombong dia. Jadi sifat sombong ni lah tidak boleh ada pada sesiapa pun tak kira dari konteks agama atau konteks kemanusiaan. *So* [Jadi] dia tidak terhad kepada agama dan bangsa. Bila kita cerita pasal manusia ni itulah satu benda yang kita kena buang sifat sombong. Insha'Allah kita akan memperoleh kejayaan yang diredhai.

ZAM Seterusnya apakah nasihat encik kepada golongan artis yang baru menceburi bidang lakonan?

SA Saya nak nasihat dia orang pun macam saya pun tengah nasihat diri saya hahaha[ketawa]... saya pun dalam proses muhasabah diri, jadi kalau saya nak nasihat mereka pun ibarat macam saya saja yang betul kan... Cuma yang boleh saya bagi perkongsian lah. Perkongsian yang sama-sama kita manfaatkan Saya selalu berpegang... tadi ada beberapa falsafah yang telah saya bentangkan tadi kan... kalau kita kompilasikan tadi ada banyak hujahan-hujahan atau keterangan saya berbentuk perkongsian untuk kita amalkan, untuk kita manfaatkan jadi rata-ratanya kalau dalam Bahasa inggeris 'it's a long journey between a human being and being human'. Maknanya ia satu perjalanan yang jauh untuk menjadi manusia tetapi kalau nak jadi manusia jadian senang. Nak jadi manusia tu yang sangat-sangat susah. Sebelum kita cerita pasal... kadang-kadang ada mereka-mereka ni kadang berpegang pada adab,budaya.... Contoh kita cerita pasal

bangsa melayu lah contohnya, sebelum kita ceritapasal melayu kita cerita pasal agama, sebelum kita cerita pasal agama kita cerita pasal manusia. Kadang-kadang seorang melayu yang beragama islam belum tentu boleh jadi manusia yang baik, tetapi seorang manusia yang baik In Shaa Allah boleh menjadi apa saja yang terbaik. Jadi walau macam mana pun berbalik pada diri kita untuk menjadi seorang manusia yang baik. Kita kena tahu juga konteks apa tujuan kita diberi kehidupan mungkin ramai kadang-kadang susah nak jawab semua tu. **So** [Jadi] konteks dia sebebnanya bila kita jawab apa tujuan kita hidup, saya boleh jawab dalam dua jawapan saja, yang pertama adalah kerana untuk mentaati pencipta yang telah menciptakan kita, kita kena taat pada Dia[Allah] lah, Bila ada taat tu ada lah apa saja yang baik tu, melakukan apa yang disuruh, meninggalkan apa yang dilarang. Itu sangat 'basic' sebenarnya. Yang kedua tujuan kita adalah melunaskan hutang. Hutang tu maksudnya dari segi hutang sesame manusia ke, hutang kita dengan pencipta ke. Sebab apa bila kita cerita lah.. saya nak bagi perkongsian sedikit cerita pendek lah, Klalau ada seorang hartawan bagi kita duit dua juta... pertama sekali kita akan panjatkan kesyukuran... kita cakap 'syukur alhamdulillah orang ni bagi aku dua juta dan aku akan berterima kasih'. Saya rasa Shafie dengan Zul akan buat benda yang sama kalau orang, ada tiba-tiba orang bagi dua juta kan... contoh.. tapi bila dia cakap 'aku bagi dua juta ni sebab aku nak dua biji mata kamu' mesti kita tak akan setuju sebab kita tahu yang pertama sekali kita tahu kita tak akan bagi dua biji mata sebab nilai dia lebih daripada dua juta. Tak temilai pun. Dan lagi satu

bila dia dah ambil dua biji mat akita macam mana kita nak kira duit tu dua juta ke talc .. hahaha[ketawa] kan... jadi konteks dia kat sini.. ini untuk renungan Bersama lah... Allah dah bagi kita dua biji mata percuma. Jadi ap akita buat untuk berterima kasih dan melunaskan hutang kita. Itu baru mata belum cerita telinga dan lain-lain nya, hidung, nyawa, jantung dan sebagainya. **So** [Jadi] perkongsian yang saya nak kongikan sebenarnya kita haruslah hidup dalm keadaan yang sentiasa bersyukur dan berterima kasih tak kira lah bila kita diduga ke bila kita diberi nikmat macam mana sekali pun kita kena sentiasa bersyukur sebab kita tiada daya, sesungguhnya Dia[Allah] yang lebih tahu apa yang lebih baik untuk kita. **So** [Jadi] yang paling penting kita jangan 'give up' sentiasa memberi kata-kata, memberi inspirasi kepada orang walaupun sebaris ayat. Walaupun hanya satu perkataan... kena sentiasa, jangan lah rasa rugi, rasa kedekut untuk apa sahaja. In Shaa Allah, In Shaa Allah kita akan ... orang cakap mendapat rahmat lah ... mendapat rahmat dan redha-Nya In Shaa Allah.

ZAM Selain mempunyai bakat lakonan, apakah Encik Saigul mempunya bakat lain?

SA bakat saya yang lain... hahaha[ketawa].. saya sebenamya... macam saya cakap lah saya boleh bawa motor laju... laju hahaha[ketawa].. itu antara bakat saya lah, kereta saya boleh bawa laju, motor saya boleh bawa laju, naik basikal lepas 'handle' saya boleh buat... itu antara hahaha [ketawa] benda-benda yang... lepas tu bakat saya dulu saya suka melukis lah. Bukan portrait la... saya suka

Lukis pemandangan, saya suka Lukis benda-benda yang abstrak, saya suka melukis kenderaan atau pun benda-benda yang perspektif lah. Kadang-kadang macam benda tu pun kadang-kadang saya... orang cakap 'practice make perfect' kan... tapi sebenarnya 'practice' bukan 'make perfect', tapi 'practice make it permanent'... ia kekal bila kita melatih ia kekal. Sebab apa, saya mendengar saya lupa, saya melihat saya ingat, saya mengamali saya mengerti. *So* [Jadi] ini tiga peringakt adalah untuk kita mendapat konteks benda apa yang kita amalkan untuk kita tahu kita bagus ataupun tak. Yang paling penting kita minat lah, bila kita minat In Shaa Allah kita boleh gilap benda tu sampai benda tu sampai kita dapat menguasai kemahiran itu. *So* [Jadi] itu antara apa yang saya rasa saya berbakat lah. Dari segi pembawakan diri lah saya kalau kata kawan saya dari sekolah rendah jumpa saya balik sekarang setelah berpuluh tahun tak jumpa pun satu perkara yang mereka akan cakap 'kau ni sama saja lah, engkau tetap macam tu'. *So* [Jadi] mungkin itu bukan konteks bakat lah tapi apa yang saya nak cakap dekat sini kita kekalkan keaslian kita apa saja dari sudut yang terbaik. Macam saya cakap tadi kan kita dijadikan dari sifat tanah kenapa kita nak melangit, *So* [Jadi] sama juga konteks kadang-kadang manusia cuba nak jatuhkan kita... kalau kita jatuh kerana manusia bangun lah kerana Allah. Ini adalah pegangan saya yang saya rasa sekaligus telah memelihara bakat saya untuk diberi inspirasi kepada orang lain. Makna bakat saya bukan semata-mata untuk saya dia untuk manfaat orang ramai. kecuali yang bawa motor laju tak ada manfaat untuk orang lain itu untuk kepuasan diri sendiri saja hahaha

[ketawa]. Itulah antara bakat-bakat saya. Dan saya suka bermain gitar walaupun tidak lah handal mana sangat kan... boleh lah nak tipu-tipu orang kampung sikit boleh la kan. Lepas itu saya sangat sinonim sampai ada yang gelar saya 'Abu Hurairah' kerana saya terlalu sinonim dengan kucing. Saya memang sangat penyayang dengan kucing dan saya rasa saya macam boleh berkomunikasi, macam bakat saya boleh berkomunikasi dengan kucing kan hahaha[ketawa] padaahal itu mitos saja hahaha [ketawa]. Itulah antara bakat-bakat saya yang saya ada dan saya suka menulis juga sebenarnya, menulis puisi, tapi tak pernah la saya 'expose' benda tu. Itu antara nya lah.

ZAM Seterusnya bolehkah Encik Saiful ceritakan serba sedikit mengenai kumpulan senario?

SA kumpulam senario... kalau ikutkan kumpulan senario adalah gandingan peserta-peserta yang bertanding dalam 'sinaran passport kegemilangan' dan mereka-mereka ni adalah antara di kalangan mereka yang finalis lab. Semua finalis kecuali saya, saya bukan finalis, saya awal-awal tercampak keluar dah hahaha [ketawa]. Ketia mereka sedang mencipta nama masa mereka tengah gemilang, mereka terdiri daripada 7 orang lah, Shamsul Ghau Ghau, Farouk Rusin, Hamdan, Ilya, Wahid, Azlee dan Lan pet-pet. 7 orang sebenarnya. Yang asalnya. Yang bagi nama tu sebenarnya mereka cadangkan sinar tu daripada perkataan sinaran, dan riuh... mereka nak letak 'sinar dan riuh'. Tapia bang Shamsul Ghau Ghau cakap 'apa kata kita bagi nama Senario' sebab senario tu

maksud dia situasi. Situasi ni maknanya apa pun boleh. Dia tak ada had. Dia apa pun boleh sebab tu kita tengok senario ni watak bertukar-tukar kan... dia macam mencabar la kan... mencabar kebolehan masing-masing. Jadi setelah album pertama keluar sebelum dan sesudah, Ketika itulah Shamsul dan Farouk mengundur diri membawa Haluan sendiri lah. Memang kita kenal senario memang lima orang tu lah... Hamdan, Ilya, Azlee, Wahid dan Lan pet-pet. Itu Ketika 1996 ditubuhkan dan Ketika tu saya memang sangat meminati lah hahaha[ketawa). Maknanya saya bermula dengan menjadi peminat. Saya memang bangga melihat kejayaan mereka, dengan bakat mereka. Mereka boleh menyanyi kan... bila saya tengok sitkom tu memang terhibur sangat kan... jadi mereka menjadi inspirasi pada saya lah. Tetapi bila Hamdan dengan Ilya keluar daripada kumpulan senario saya sangat sedih, memang saya kecewa sangat sebab Hamdan dengan Ilya ni antara yang saya suka dalam senario tu. Jadi bila lama kelamaan tu tiba-tiba saya diberi tawaran pula untuk menggantikan orang yang saya minat, saya rasa tidak masuk akal... cuba bayangkan, Shafie dan Zul cuba bayangkan awak minat seseorang tiba-tiba awak kena gantikan mereka macam... 'ini bunuh diri ni' hahaha [ketawa]... jadi saya pun takt ahu lah atas persetujuan apa... mula-mula saya berkeras juga lah, macam saya cakap tadi lah saya taka da keyakinan tapi orang-orang disekeliling saya yang cakap 'boleh, boleh, boleh' kalau keputusan sendiri memang saya tak akan ambil keputusan tu. Jadi bila saya diserapkan ke dalam tu lama kelamaan baru saya menyesuaikan diri. **So** [Jadi] keluarlah album yang pertama, filem, yang

pertama... berempat lah, Azlee Wahid, Lan pet-pet dan saya. Bila selepas pada tu tahun 99 tak salah saya baru Yasin masuk. Yasin masuk tu lah baru ada album 'cari tapak' dan filem yang selanjutnya lah filem senario lagi yang dia jadi watak Indonesia tu kan... 'macam pernah aku lihat tapi diaman ya' dan yang ketiga tu lagi-lagi senario lah yang saya buat roti canai tu kan. Disitulah bermulanya sehingga lah saya pada tahun 2002 saya dengan Yasin membawa haluan sendiri dan setelah sekian lama bergerak tanpa senario dan akhirnya kami Bersatu Kembali pada tahun 2017 dengan nama baru iaitu 'Senarionion'. Disitu juga lah saya dengan semua yang ada kat daalam tu kan termasuk lah Azlee, Lan, Wahid... Cuma Lan agak terhad sikit lah pasal dia banyak komitmen kan tapi dia ada juga lah 'on and off lah'. **So** [Jadi]... yang lain tu berenam nu memang sentiasa ada lah. Kami dijemput untuk konsert Bersama dengan pihak Astro, dengan TV3, dengan RTM dan banyak lagi lah. Lagu-lagu baru kami pun dah ada dah dekat 'youtube'. Seperti 'terima kasih cikgu', 'musim kenduri kawin', 'di hari yang mulia', 'dulu sekarang'. Itu antara usaha kami lah untuk menunjukkan pada semua yang pernah menyokong kami bahawa ukhwah kami tidak habis begitu saja. Walaupun kami terpisah dengan kerjaya kami suatu Ketika dulu tapi kami masih lagi orang cakap Bersatu. Bukan saja peminat rindu kami, kami pun rindu sahabat-sahabat kami untuk bekerja sekali dan akhirnya baru-baru ni masa hari raya haritu itulah antara setelah berbelas tahuri muncul lah lagi satu filem kami yang terbaru iaitu 'jaga-jaga Senarionion' yang diarahkan oleh abang Aziz M. Othman. **So** [Jadi] alhamdulillah filem tu

mencapai kejayaan walaupun tidaklah macam 'mat kilau' kan... hahaha[ketawa] tapi Alhamdulillah berkilau juga hahaha[ketawa]. Itulah sampai sekarang ni kami masih ada dalam banyak perancangan lagi lah. In Shaa Allah doakan lah.

ZAM : *Okay* [Baik] seterusnya apakah perasaan Encik Saiful semasa pertama kali menyertai pertandingan "Sinaran Pasport Kegemilangan"?

SA : Saya rasa saya macam bermimpilah. sebab ketika itu sebab saya ingat lagi bila di atas pentas tu saya masih bertanya kepada diri saya 'apa aku buat ni?' hahahahaha [ketawa] 'aku ni dah kenapa?', 'aku ni gila ke apa' macam itu lah hahahahaha [ketawa] sebab bayangkanlah benda yang bukan kita punya matlamat kan tiba-tiba hahahahaha [ketawa] macam saya pun saya rasa macam saya dalam mimpi lah. satu mimpi yang sebenarnya membawa saya menuju kejayaan. Dekat sini satu rumusan yang saya boleh cakap pada semua orang di luar sana, sebenarnya kadang-kadang ada sesuatu benda yang bermula dengan dalam keadaan yang mustahil tetapi dia mencapai kejayaan kerana keyakinan. Bukan keyakinan yang syok sendiri. Ada orang yang yakin tapi syok sendiri hahahahaha [ketawa]. Ini keyakinan yang telah diberi oleh orang sekeliling kita, orang yang nampak nilai kita dan potensi kita. berkat pada itu pula, kita kena ada usaha lah. Usaha, berdoa dan saya rasa kejayaan yang paling utama ialah doa ibu bapa lah. Itu paling berkatlah, doa yang tiada hijab. untung siapa yang masih ada ibu bapa. Kalau siapa yang tiada, saya pun tumpang sedih lah tapi itulah sebenarnya kita kena pelihara mereka macam mana mereka pelihara kita

dan itu saya rasa, macam saya cakap kejayaan saya bermula apabila setelah saya berjumpa dengan ibu kandung saya. Itulah kali pertama saya peluk dia, saya kucup dahi dia, saya dapat cium tangan dia, di situlah bermulanya kejayaan saya. Dan di situ juga lah yang telah membuktikan sebenarnya pintu kejayaan saya terbuka apabila saya berjumpa dengan ibu kandung saya. itu perasaan sayalah masa saya menyertai pertandingan itu. Saya rasa macam dalam mimpi 'and' saya rasa macam saya buat ini sekadar buat sahaja. Saya tidak harap apa-apa. tapi itulah hasil dia sekarang kan siapajangka kan.

ZAM : Apakah cabaran Encik Saiful semasa menyertai pertandingan tersebut?

SA : cabaran saya itu saya berlawan dengan diri saya lah. Saya berlawan dengan keyakinan saya sebab saya hahahahaha [ketawa], saya tidak tahu sebab saya masih boleh ingat lagi ketika itu, sangat segar lagi sampai sekarang saya bawa. Begitu berkesannya ketika situasi itu dan masa itu. Sebab saya rasa macam 'adakah aku sedang memperbodohkan diri aku sendiri' atau sebenarnya ini adalah ujian dari Allah nak menunjukkan 'jangan nak perasanlah, kau ingat kau boleh jadi pelawak nombor satu ke?'. 'And' benda ini bermain di fikiran saya, sebab bohong kalau, saya tidak tahu lah orang lain saya tidak tahu lah mungkin kadang-kadang ada orang 'overconfident', 'yes, aku akan jadi 1.5 million punya manusia', 'and you know' perkara-perkara macam itu. Tapi saya agak berlainan sikit dan itu pun terbukti apabila saya antara anggota Senario yang bukan finalis. sebab yang lain semua pergi final. Yassin finalis, Azlee finalis,

kumpulan Serba Salah, Wahid, Hamdan, Ilyas finalis, Shamsul finalis. Farouk mungkin bukan lah sebab dia pengacara. Lan Pet Pet finalis. Jadi itulah saya rasa cabaran dia cuma yang saya tahu yang saya ingat kalau ini adalah satu-satunya peluang saya yang pertama dan terakhir, saya akan pastikan ia ada sesuatu keunikan. Sesuatu yang kreatif dan sesuatu yang akan orang ingat sampai bila-bila walaupun saya rasa itulah pertama dan terakhir. itu cabaran saya, saya nak pastikan dan memang Alhamdulillah apabila saya tengok balik memanglah saya tergelak balik kan tengok tapi dari segi keaslian kreativiti itu bukan kerana ada sesuatu perkara dibayangi, saya sedang meniru ataupun sedang 'copy paste'. Tiada. Saya berdiri dengan keaslian saya, keunikan saya walaupun dalam keadaan yang tidak yakin, tapi haha [ketawa] saya rasa macam 'Okay [Baik] inilah dia Saiful, sesuatu perkara yang sangat unik' 'and' walaupun saya tidak dapat tengok kalau cari di Youtube pun memang tiada persembahan saya ketika program itu memang saya rasa tidak tahu kenapa. Mungkin paling mahal agaknya hahaha [ketawa]. Tapi kalau kamu berdua boleh tengok 'AL KISAH', kalau kamu berdua 'type' 'AL KISAH Saiful Apek' ataupun 'Saiful Apek AL KISAH', dia ada bahagian satu (1) dan bahagian tiga (3) sahaja. Bahagian dua (2) mungkin dia punya visual tidak cantik sangat *So* [Jadi] daripada situ mungkin kamu berdua boleh nilaikan sebenarnya ada sesuatu yang mungkin tidak ada pada orang lain. Mungkin saya tidak boleh buat macam orang lain, tapi yang saya pasti orang lain pun tidak boleh buat apa yang saya buat ketika itu. Sebab ketika itu macam saya cakapkan saya 'fresh', saya

tiada akademik, saya haha [ketawa] berkarya dengan kreativiti saya sendiri kan jadi itu yang membuat kan saya rasa macam unik apabila orang cakap 'Abang, abang telah mencipta sejarah'. Walaupun abang boleh hidup dalam penafian sebab abang ni memang rendah jiwa, 'very humble' tetapi abang tidak boleh padam sejarah yang suatu ketika abang berada di situ mencipta sejarah yang sangat unik, yang di mana abang layak untuk diletakkan di mana abang berada sekarang. Yang pasti bukan saya yang letakkan diri saya di mana. ini semua adalah sokongan mereka yang sentiasa menyokong saya.

ZAM : Seterusnya bolehkah Encik Saiful ceritakan serba sedikit mengenai filem' mengisahkan tentang apa?

SA : Macammana?

ZAM : Bolehkah Encik Saiful ceritakan serba sedikit mengenai filem 'Cicakman'?

SA : *Okay* [Baik], ketika saya diberi tawaran oleh KRU yang mana teretusnya idea itu daripada Yusry lah, Yusry KRU. memang saya tidak tahu menahu pun perkara itu tapi rupa-rupanya sebenarnya sebelum diberi tawaran itu Yusry ada cerita serba sedikit lah. Dia cakap sebenarnya dia dah buat skrip ini dah lama dan watak Hairi aka Cicakman ini adalah sesuatu yang digambarkan daripada saya, di inspirasikan daripada saya *So* [Jadi] dia cakap dengan saya *Okay* [Baik] dia dah siap satu skrip ini cuma dia cakap kalau saya tidak mahu, dia tidak buat filem itu sebab dia tidak boleh bayangkan siapa yang lebih sesuai untuk bawa

watak itu. sebab dia mengilhamkan cerita itu daripada potensi sayalah, daripada kredibiliti saya jadi oleh kerana saya rasa macam projek ini sangat besar kerana ini adalah filem 'superhero' pertama di layar perak, jadi ia sangat besar. Jadi, mungkin ia berlainan dengan "Sinaran Pasport Kegemilangan" sebab itu baru. Yang ini saya dah ada pengalaman sikit tapi dia besar, dia memang besar. Jadi, apabila saya tengok pada skrip dia saya nampak- dia akan menjadi satu cerita yang ikoniklah. Sesuatu cerita yang boleh jadi satu cerita yang 'legendary', cuma apabila saya bersetuju, saya nampak ada beberapa kelonggan maknanya ada beberapa ketidaklengkapan dalam cerita itu sendiri di mana watak macam saya cakaplah dalam skrip itu watak itu 'straight-forward' sahaja. Dia tidak menggambarkan macam mana dia akan bergerak, atau apa yang dia akan cakap 'cak cak cak'. Benda itu tiada dalam skrip. *So* [Jadi] saya perlu gunakan kreativiti saya, idea saya, keaslian saya, keunikan saya untuk memberikan apa yang penonton tengok, hasilnya itu. kalau kamu berdua tengok skrip dia, mungkin kamu berdua tidak boleh gambarkan benda itu sama macam apa yang kamu berdua tengok dalam skrip itu. *So* [Jadi] dekat situ, saya rasa cabaran dia paling besar kat situ lah maknanya untuk memberi roh atau jiwa kepada 'Cicakman' itu sendiri yang mana yang kamu berdua tengok. Dan cabaran yang paling besar saya rasa adalah untuk perbezaan dua watak itu. Antara Hairi yang mangkuk hayun ni, yang 'very clumsy' ni dengan 'superhero' itu. itu pun satu cabaran untuk saya untuk kita nampak beza apabila dia jadi 'hero', dia - 'hero' juga lah kan. Maknanya antara 'hero macho' dengan 'hero' hancur hahaha

[ketawa). Dia ada keseimbangan *So* [Jadi) itulah saya nampak cabaran yang besar, yang mana Alhamdulillah sampai sekarang dia masih menjadi satu rujukan ataupun masih lagi jadi topik dan perbualan antara filem ikonik dalam persada industri perfileman Malaysia lah.

ZAM : Seterusnya, adakah filem 'Cicakman' mendapat sambutan yang meriah daripada penonton?

SA : Ya, memang sudah pasti macam saya cakap tadi, biasanya filem saya pasaran dia lebih kepada orang melayu sahaja. *So* [Jadi] bila kali ini di hujani dengan semua golongan bangsa, semua lapisan bangsa, umur dan sebagainya, 'of course' lah dia jadi berganda lah dan mendapat kutipan yang di luar jangkaan. sehingga 'Cicakman' dan 'Cicakman 2' lah. Saya tidak tahu lah macam mana 'Cicakman 3', saya tidak tahu apa cerita.

ZAM : *Okay* [Baik] apakah watak yang dibawa oleh Encik sewaktu berlakon dalam filem aksi yang berjudul 'KL Menjerit'?

SA : watak saya sebagai Kilat. haha [ketawa) Kilat ini pula satu watak yang saya rasa macam celah gigi lah sebab saya pernah jadi mat rempit kan, celah gigi lah hahaha [ketawa]. Tidak perlu berlakon sangat lah kan hahaha [ketawa]. Cuma cabaran saya yang besar dekat situ ialah yang pertamanya ialah rambut. Rambut 'dreadlock' itu bukan rambut palsu. Memang kadang-kadang saya dah sinonim dengan rambut palsu ini tapi oleh kerana apabila pakai rambut palsu, percubaan

yang pertama itu sebagai Kilat nak masuk helmet itu tidak lepas. Hahaha [ketawa] sebab rambut palsu itu terlalu tebal jadi saya kena buat rambut 'dreadlock' itu yang mana ia adalah satu yang orang cakap dandanan rambut yang mungkin tidak serasilah dengan saya. Saya agak rimaslah rambut-rambut 'dreadlock' ini saya rasa, saya tidak tahu lah orang lain kan tapi saya rasa macam tidak sesuai dengan kita punya cuaca, iklim dan sebagainya sebab saya agak rimaslah. **So** [Jadi] itu antara cabaran dialah. Kalau dari segi bawa motor laju itu semua tidak ada apa sangatlah walaupun ada insiden, ada dua (2) tiga (3) insiden terjadinya kemalangan kecillah .kerana kesilapan teknikal tapi Alhamdulillah tiada yang 'major' lah, 'minor' sahaja. Alhamdulillah lah. **So** [Jadi] selepas itu dari segi skrip pun sama juga di mana sutradara dia abang Badar, Badar Haji Azmi. Di dalam skrip itu, apabila masuk 'part' saya itu tiada dialog. Jadi saya tanyalah kenapa saya tiada dialog, saya tanya dia kenapa saya tiada dialog. Dia cakap 'Tidak perlu lah Apek. Bagi skrip pun bukan kau ikut sangat pun' hahaha [ketawa]. **So** [Jadi] tanggungjawab saya agak besar sikit lah untuk 'improvise' ataupun 'adlib' banyak dialoglah dalam cerita itu sendiri. **So** [Jadi] itulah salah satu saya rasa cabaran sebab masa dia buat 'KL Menjerit' yang mula-mula itu, sebenarnya itu adalah 'KL Menjerit 2'. Sebab selepas itu dia keluar pula 'KL Menjerit' 'prequel' bukan 'sequel'. 'Prequel' 'KL Menjerit 1'. **So** [Jadi] 'KL Menjerit 1' itu Alhamdulillah saya punya rambut tidaklah 'dreadlock'. Sebab itu sebelum kan, sebelum saya jadi mat rempit. **So** [Jadi] ceritanya 'prequel' itu macam mana sebelum sayajadi mat rempit **So** [Jadi] saya

ini memang mat kereta lah kalau ikutkan dalam cerita itu Kilat dia memang mat kereta. Macam mana dia boleh terjebak jadi merempit itu *So* [Jadi] dalam dua-dua 'KL Menjerit' itu memang saya diberi peluanglah untuk ada dalam dua-dua filem itu dan ada satu babak yang saya rasa memang saya tidakjangka. Apabila hari itu nak *Shooting* [Penggambaran], tiba-tiba saya kena pakai baju 'Superman' jadi macam 'kenapa pula ada baju 'Superman'?'. Rupanya saya kena melakonkan aksi 'Superman' lah atas motor pakai baju 'Superman' yang mana memang saya tidak jangkalah. Apabila menonton di panggung itu memang pecahlah 'time' itu. Memang pecah panggung semua orang gelak betul 'part' itu. Saya tidak jangkalah 'impact' itu sampai sekarang dia jadi satu perbualanlah. Sesuatu yang berkesan kan *So* [Jadi] itu kalau cerita tentang 'KL Menjerit' lah. Alhamdulillah.

ZAM : **Seterusnya siapakah Fakir dalam filem "Jutawan Fakir"?**

SA : Hahaha [ketawa] *Okay* [Baik] kalau ikutkan Fakir ni sebenarnya dia di inspirasikan sebagai kisah benar. Kisah benar pengarah filem itu sendiri iaitu sekarang ini dah jadi Dato' Prof. Dr. Abdul Razak Mohaideen. Cuma digambarkan dalam bentuk lain lah tapi dia terjumpa duitlah. Jadi nama itu sendiri sangat unik. Jutawan tapi fakir. Kalau kita tengok, fakir itu kita tahu miskin, macam mana kita nak bayangkan jutawan yang miskin kan. Tapi yang saya rasa simbolik dia Fakir itu sendiri adalah watak saya dalam cerita itu. Macam mana dia boleh jadi jutawan dalam sekelip mata dan kesudahan

ceritanya kita pun tahu lah kan macam mana kan. 'So basically' "Jutawan Fakir" ini ialah filem saya yang pertama setelah saya meninggalkan Senario maknanya filem saya secara 'solo' lah yang tidak membabitkan Senario. *So* [Jadi] itu adalah pengalaman saya yang pertama juga dengan Metrowealth bersama Datuk David Teo *So* [Jadi] kesan daripada "Jutawan Fakir" itulah yang saya rasa menyusulnya cerita-cerita yang lain seperti "Anak Mami Kembali", "Lady Boss", "Bujang Senang", "Gila Bola" dan "rt:x:3". Dia menjadi satu fenomena kerana ketika itu memang ia jadi 'trending' sebab masa itu tidak wujud lagi 'hashtag' kan. Tapi 'trending' dia ketika itu memang orang suka tengok cerita komedi. Tambah pula ada mangkuk: ini kan. Ada sahaja mangkuk ini, mereka pasti pergi tengok. Mereka pergi tengok sahaja pasti ada mangkuk ini kan. Jadi, itulah saya rasa macam betullah tiada kejadian yang jadi kebetulan kan. Peluang itulah saya rasa macam fenomenalah. Fenomena ketika itu selepas satu filem, satu filem sampai pada tahun 2003 itu, saya sampai 11 filem satu tahun *So* [Jadi] ini adalah antara tercetusnya fenomena industri filem Malaysia ketika itulah. Dan "Jutawan Fakir" itu sendiri pun kalau ikutkan dia pun hasil daripada sembang tepi-tepi jalan sahaja. Dia panggil saya "Jom kita jumpa sekejap dekat warung mana-mana warung mamak". *So* [Jadi] apabila sembang-sembang, dia cakap nak buat cerita ini "Jomlah kita buat cerita ini". Saya cakap "*Okay* [Baik] menarik cerita ini". *So* [Jadi] apa yang saya nak cakap 'the whole morale' ataupun rumusan ialah walaupun daripada sembang kosong, akhinya dia jadi satu pelaksanaan dan dia telah secara tidak langsung meraih kejayaan walaupun

cerita itu 'simple' sahaja. Cerita itu sangat 'simple'. Dan disitu adalah gandingan saya yang kedua tidak salah saya bersama dengan Allahyarham Bob Kuman. *So* [Jadi] dekat situlah semakin rapat dengan beliau sampai wujudnya "Gitu-Gitu Production" itu. Itulah sebenarnya rentetan daripada "Jutawan Fakir" itulah. *So* [Jadi] itu satu-satu orang cakap satu filem yang sangat epikjugalah.

ZAM : Seterusnya boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai filem "Duyung"?

SA : Filem "Duyung" kalau ikutkan dia satu cerita fiksyenlah 'and' kita tahu cerita ini satu cerita mitoslah. 'And' apabila mereka suarakan kepada saya tentang cerita "Duyung" ini, saya *Okay* [Baik] saya tiada masalah sebab saya rasa betullah macam saya cakap apabila kita nak hasilkan satu-satu karya itu, 'especially' fiksyen kita kena unik. Unik 'and' dia jadi macam sesuatu yang mungkin orang lain tidak pernah buat. Cuma saya tidak boleh nak bayangkan yang duyung itu siapa. 'Of course' perempuan kan. Masa mereka mula-mula usulkan saya memang ada dua (2) tiga (3) orang 'casting' untuk watak duyung itu yang tidak diberitahu dan tidak dimaklumkan sebab memang susah watak ini sangat susah. Sebab apabila pakai kostum ekor dan dalam keadaan bemafras dekat bawah tanpa oksigen memang susahlah. Sebenarnya benda itu susahlah 'and' memang saya rasa setinggi-tinggi penghargaan dan penghormatan saya boleh bagi kepada Maya Karin lah sebab dia mampu mendukung watak itu dengan berjaya. Dan saya tahu cerita ini, apabila saya tengok 'the whole' skrip saya watak Jimmy ini memang watak utama dan dia ada kekasih hati dia

Aspalela dan dia ada juga seekor beruk yang tak berapa beruk sangat nama dia Orix hahaha [ketawa]. *So* [Jadi] di situ pula saya punya musuh adalah Dato' Awie. Saya nampak cerita ini satu cerita yang berpotensi maknanya untuk 'especially' untuk kanak-kanaklah. Dan saya pula dimaklumkan cerita ini akan dilakukan di Sabah, di Sempoma 'and' memang saya tahu tempat itu memang cantik sangat. Memang sesuai untuk filem ini *So* [Jadi] saya bersetujulah tapi saya boleh katakan "Duyung" adalah antara filem yang paling menyeksalah sebab dari segi 'konteks' sebab kita *Shooting* [Penggambaran] 30 hari dekat sana. Cuaca sangat-sangat panas. Selepas itu kamu berdua pun boleh tengok macam mana terbakamya saya dah macam haha [ketawa] apa dah dekat situ. *So* [Jadi] tapi apabila saya tengok hasil 'and' sambutan, rasa berbaloi lah untuk mereka buat cerita itu satu cerita yang sangat epiklah.

ZAM : Seterusnya bolehkah Encik Saiful ceritakan pengalaman sewaktu berlakon dalam filem "Sifu & Tongga"?

SA : "Sifu & Tongga" saya suka sebab yang pertama macam yang saya cakap tadi unik sebab itu saya dah mula, bukan cerewet bukan memilih tidak. Saya sangat 'consent' tentang keunikan maknanya cerita itu bukan satu cerita yang sangat 'typical', yang 'cliche'; Saya tidak mahu. Tapi apabila saya tengok skrip "Sifu & Tongga", selepas itu saya digandingkan pula dengan Nabil. Nabil adalah antara pelapis "Raja Lawak" atau pelapis pelawak yang baru, antara yang pertama digandingkan dengan saya ketika itu dan saya rasa memang sesuai,

bertepatan sangat. Selepas itu, saya pula bersama dengan arwah Pak Piee dan Fauziah Gous. Selepas itu, ada a Fazira juga. Saya nampak cerita itu memang unik cuma apabila saya tengok skrip itu ada satu masalah. Ada masalah yang sama tadi macam "Cicakman". Dia tidak lengkap sebab budaya Sifu Tongga ini dengan dia punya suku yang dah duduk kat dalam gua itu yang terlalu lama. Mereka tidak boleh gambarkan macam mana bahasa yang mereka bercakap. Sebab mereka pun jadi 'jammed'. Macam mana nak buat kaum ini unik. Unik maksudnya mungkin dia ketinggalan tapi dalam masa yang sama nak bahasa itu orang tengok boleh faham juga. *So* [Jadi] di situlah yang terjadinya apabila saya bercakap dengan ' Tongga tonggak an an an an an an' hahahaha [ketawa]. Itu saya yang 'improvise' benda itu walaupun bukan saya nak 'claim' kreditlah tapi saya cakap perlu ada benda itu. Sebab mereka sendiri pun tidak tahu macam mana nak gambarkan kaum ini. *So* [Jadi] saya kena tingkatkan sedikit kreativiti saya 'and then' untuk suntik di dalam budaya dia supaya benda itu logik untuk diguna pakai. Sebab itu kalau tengok Sifu Tongga, dia punya lengkok bahasa dia agak lain sikitlah. Dia terbalik-terbalik sikit. Berterabur dia punya 'vocabulary', dia punya 'grammar' berterabur sikit tapi dia mesti ada 'an an an'. Itulah benda yang saya rasa cabaran dia untuk setiap filem mesti kena ada satu benda yang logik dan ada satu keaslian kat situ. Itu yang saya terapkanlah dalam "Sifu & Tongga" 'and' Alhamdulillah filem itu pun berjaya 'collect' juga.

ZAM : Seterusnya apakah watak yang dibawa oleh Encik Saiful dalam filem

"Hantu Air"? Adakah ia senang dilakukan?

SA : "Hantu Air" arahan Haji Murali Abdullah. "Hantu Air" saya digandingkan dengan Allahyarham Pak Zami dan juga Opie dekat situ 'and' ada seorang lagi pelakon baru Zahid. Pak Ya pun ada Hamdan pun ada dekat situ. 'And' saya kalau ikutkan saya sebagai seorang staf 'resort'. Itu gandingan saya juga dengan pelapis barn dengan Amirreka, Amir Raja Lawak. Dekat situ juga pun banyak juga Jah 'adlib' ataupun Abang Murali selaku pengarah banyak bagi kelonggaran dekat sayalah apabila 'especially' apabila babak-babak saya untuk macam mana buat benda ini lebih kelakar 'and then' lebih logik. *So* [Jadi] banyak jugalah cuma sebab kita banyak *Shooting* [Penggambaran] dekat kawasan tasik *So* [Jadi] saya ni kurang percaya sikit dengan tasik. Maksudnya secara 'nature' tasik ini kalau laut *Okay* [Baik]. Laut dia air hidup. Dia ada ombak sungai pun macam itu juga. Tapi kalau lombong dan tasik ini saya kurang yakin sikit. Jadi apa yang saya buat ada satu 'scene' saya kena terjun ke dalam itu *So* [Jadi] saya dah pakai 'lifevest' siap-siap dah kat badan saya supaya apabila dari segi keselamatanlah *So* [Jadi] apabila saya terjun itu saya lebih 'confident' lah. Bukan saya tidak boleh berenang. Saya boleh berenang tapi apabila air yang mati ini saya kurang yakin sikit lah. *So* [Jadi] itulah cerita fasal "Hantu Air" inilah.

ZAM **Apakah perasaan Encik apabila mendapat tawaran untuk berlakon dalam filem seram?**

SA Kalau ikutkan ia bukan satu filem yang pertama sebab sebelum ini pun ada juga macam "Kisah Keris Lama" kalau tidak silap saya tajuk dia. Lepas itu "Hantu Susu". Kebanyakan watak-watak kat dalam itu 'of course' bukan sayalah hantu hahaha [ketawa]. Cuma konsep ataupun 'genre' cerita itu cerita seram lah. Ada yang kadang-kadang mungkin seram yang berat macam "Hantu Kuat Ketawa" baru-baru ini. Ada juga yang seram itu dia berat tapi ada komedi macam "Kecoh Hantu Raya Tok Chai". 'So basically' dia tidak ada banyak beza sangat *even* [walaupun] "Biar Betul" pun dia ada seram juga sikit. Filem arahan abang Aziz M. Osman itu yang mana saya ada jumpa hantu kat tengah-tengah hutan apa semua 'so basically' saya tidak ada apa-apa masalah sebab kadang-kadang ada orang cakap 'Abang apabila berlakon dekat seram ini dekat kawasan kubur kawasan tempat yang digambarkan keras mungkin ada tidak pengalaman-pengalaman mistik ke apa' tapi Alhamdulillah tidak adalah walaupun kadang-kadang saya kena duduk kat dalam kubur ke rumah usang ke tempat-tempat yang menyeramkan tapi Alhamdulillah tidak ada apa-apalah. Walaupun cerita hantu, suasana dia tidak menghantui saya sampai saya tidak boleh nak berkaryalah Alhamdulillah.

ZAM Seterusnya apakah kesan yang dihadapi oleh industri hiburan sepanjang menghadapi pandemik Covid-19?

SA Saya rasa bukan sahaja hiburan yang terkesan. Semua sektorlah saya rasa pemiagaan, pekerjaan semua terkesan tetapi saya pun tidak tahulah macam yang

saya cakap juga Alhamdulillah rezeki itu tetap rezeki kita walaupun terletak antara dua (2) gunung dan rezeki itu bukan rezeki kita walaupun terletak antara dua (2) bibir kita sendiri apabila Allah dan tentukan. Mungkin ramai yang menggambarkan industri seni ini hiburan ini memang terkesan 'especially' penyanyi, pelakon dan sebagainya tapi sepanjang pandemik Alhamdulillah saya macam ada sahaja peluang lain. Mungkin bukan dari segi sudut itu. Saya dapat banyak peluang untuk membuat 'review' produk walaupun mungkin secara 'online' kan walaupun hanya di 'Instagram, Facebook' dan sebagainya. Dan ada juga saya kebanyakannya masa pandemik itu saya melalui fasa-fasa yang macam ini yang kita tengah buat inilah. Temu ramah bersama institusi, forum bersama penceramah-penceramah dan buat 'talk' untuk sekolah dan sebagainya. Jadi Alhamdulillah saya mungkin tidak dalam golongan yang tersepit itulah. Alhamdulillah saya diberi orang cakap ada peluang ada rezeki untuk menyambung apa yang saya boleh buatlah. Dia tidak terkesan kepada sayalah. Alhamdulillah.

ZAM **Apakah filem ataupun drama yang terkini yang sedang dilakukan oleh tuan sekarang?**

SA Kalau ikutkan ada beberapa filem yang dah *Shooting* [Penggambaran] tapi masih lagi belum tayang. Saya tidak ingat apa. "Sumpahan Syaitan" dan ada lagilah beberapa yang saya tidak ingatlah. "Ajib Is Back" selepas itu ada satu (1) filem arahan saya yang pertama filem "Shhh Dia Datang" yang saya tidak tahu

macam mana bila akan keluar. **So** [Jadi] ada juga beberapa filem yang masih lagi dalam perbincangan walaupun belum **Shooting** [Penggambaran]. Ada yang telefilem, 'telemovie' stesen televisyen dan ada juga yang untuk Astro First. Ada juga yang untuk panggung wayang. Semua masih lagi dalam perbincanganlah tapi kalau ikutkan yang projek paling terkini ialah 'roadtour' Jelajah Malaysia sempena kempen 'anti-scam' ini bersama dengan Dato' Awie dan juga PDRM ke seluruh Malaysia bermula esok untuk fasa pertama. Dia ada tiga (3) fasa. Fasa pertama utara dan pantai timur dan selatanlah **So** [Jadi] dalam masa tiga (3) minggu inilah sampai bulan lapan (8). **So** [Jadi] itulah 'basically and' ada jugalah beberapa program, 'gameshow', ada juga pertandingan yang saya akan terlibat. Itulah setakat ini banyak yang dalam perbincangan. Ada juga satu filem aksi yang bakal menggegarkan katanya. **So** [Jadi] saya tidak tahu lagilah filem aksi yang menelan belanja agak besar juga. Saya tidak tahu lagi macam mana kesudahannya yang saya rasa macam tidak mengapalah sebab kadang-kadang kita hanya mampu merancang Tuhan yang menentukan. Tapi kalau dengan Senario, ada banyak perancangan lagilah. Ada konsert mungkin ada 'next' filem 'and' ada 'roadtour' juga. Kita nak mencungkil bakat-bakat baru **So** [Jadi] itulah kebanyakan aktiviti-aktiviti yang akan datang ataupun yang terbaru banyak saya 'update' dekat 'Instagram' saya, di 'Facebook, Twitter' ataupun 'Tiktok'.

SOALAN : KERJAYASEBAGAI PENYANYI

ZAM : Seterusnya beralih kepada kerjaya sebagai penyanyi. Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri dalam industri muzik?

SA : Muzik kalau ikutkan masa yang saya cakap tadilah dengan Senariolah. Saya terlibat dengan tidak salah saya lima (5) atau enam (6) album bersama Senario. Itu 'first' lah penglibatan. Selepas saya keluar daripada Senario, banyak penglibatan saya dalam bidang muzik ini lebih kepada 'ost' filem. Banyak filem-filem saya yang ada 'ost' "Jutawan Fakir", "Anak Marni Kembali", "Bujang Senang", "Nana Tanjung" dan "Lady Boss". Banyak ada 'ost' jadi saya punya muzik ini lebih kepada betul-betul 'genre' pun lagu-lagu komedi. *So* [Jadi] kebanyakan bidang muzik yang saya terlibat banyaknya lebih kepada ke arah situlah. Cuma yang baru-baru ini aya dapat peluang untuk "Gegar Vaganza" itu satu 'the next level' lah. Itu satu (1) 'level' yang lainlah yang mana betul-betul menguji ataupun satu cabaran yang lainlah yang lebih serius, yang lebih 'heavy' yang mana baru saya rasa lengkap. Kalau nak cakap penyanyi ini macam tidak lengkap kalau nyanyi lagu komedi sahaja *So* [Jadi] ini satu lagi peluang dalam melengkapi perjalanan seni sayalah.

ZAM : Apakah tajuk lagu pertama Encik Saiful?

SA : Lagu pertama saya dalam Senario tidak salah saya lagu dia "Tungau Cinta". Itu lagu pertama yang saya nyanyilah dalam album kedua (2) semasa kami berempat. Album itu album "Dikir Barat Siang Malam" tidak salah saya. Itu lagu 'solo' sayalah dalam album itu.

ZAM : Bagaimanakah sambutan terhadap lagu tersebut?

SA : Lagu itu mungkin bukan jadi 'killer song' berbanding dengan lagu-lagu lain seperti "Motor Kapcai", "Dikir Barat Siang Malam", "Sayangku Foi". Mungkin dia 'underated' sedikitlah tetapi tidak dinafikan juga ramai yang 'notice' lagu itu *So* [Jadi] saya macam terkejut juga 'and' ada juga permintaan ketika itu sebab saya belum ada lagu lain ketika itu banyak permintaan untuk saya nyanyikan lagu itu ketika itulah.

ZAM Berapakah jumlah lagu yang pernah Encik Saiful nyanyikan?

SA Saya tidak pasti berapa lagu tapi saya rasa puluhan lagulah termasuk 'ost', termasuk lagu-lagu yang kadang-kadang saya buat dalam persembahan contoh apabila saya nyanyi dengan Dato' Siti Nurhaliza. Antara yang banyak saya nyanyi juga pada persembahan pentas banyak dengan Dato' Siti Nurhaliza. Walaupun lagu-lagu 'cover', tetapi banyaklah sebenarnya lagu-lagu yang bukan lagu saya yang saya nyanyikan dan ada juga lagu-lagu mungkin orang tidak perasan pun lagu itu dan saya pun ada pernah muncul dengan satu album 'solo'. Album saya sendiri tidak salah saya pada tahun 2010. Saya tidak pastilah 2008,2009,2010 macam itulah. Album itu tajuk dia "Saiful Apek & Family". Masa itu adalah bersama dengan Yassin, Bob Kuman. Itulah satu-satunya album sulung sayalah yang memuatkan sepuluh (10) lagu. Itulah kalau nak di 'total'kan semua lagu dengan Senario dengan apa semua saya rasa lebih

daripada 20 lah.

ZAM **Adakah Encik pernah menyanyi di luar negara?**

SA Di luar negara Brunei 'yes' pemah, di Singapura itu saya rasa di antara salah satu yang 'legendary' dan epik juga dimana di situlah julung kalinya pelawak diberikan mandat untuk menyanyikan 'medley' 12 lagu untuk "Anugerah Planet Muzik" tahun 2005 di Singapura dan sampai sekarang kalau tengok di 'Youtube' pun saya rasa macam ratus ribu juga lah 'viewers so' itu antara-antaranyalah.

ZAM **Apakah cabaran semasa menyanyi di khalayak ramai?**

SA Cabaran menyanyi di khalayak ramai saya rasa macam dia paling penting ialah dari segi prestasi dan stamina kita sebab kadang-kadang saya dapatilah apabila saya tidak cukup rehat, dia akan jadi masalah nak buat persembahan itu. Dia macam kita kurang tenaga 'and' kadang-kadang suara pun tak kesampaian *So* [Jadi] paling penting sekali kena cukup rehatlah. Cukup rehat cukup tidur 'and then' dari segi teknikal. Dari segi teknikal pun cabaran dia kadang-kadang mikrofon boleh jadi 'problem', 'monitor' tidak dengar 'and then musician' ada kesilapan 'and then' kesilapan daripada diri kita sendiri juga. Kadang-kadang lupa lirik 'you know' tapi pastinya saya dalam keadaan macam mana pun saya tengok yang saya peliknya orang tetap terhibur hahaha [ketawa]. Saya salah ke saya apa ke orang tetap terhibur hahaha [ketawa]. Saya kadang-kadang pun

hairan juga. Kita risau kita buat silap *So* [Jadi] itulah dia cabaran dialah kalau dari segi nyanyian.

ZAM **Sekiranya Encik Saiful diberi pilihan untuk memilih mana-mana penyanyi, siapakah yang akan Encik pilih untuk bernyanyi bersama?**

SA Saya rasa macam salah seorang dia Dato' Awielah yang mana saya ada juga dapat peluang nyanyi dengan dia ada dua (2) tiga (3) lagu jugalah tapi 'cover'lahkan. Saya haraplah kalau dapat satu (1) 'single' dengan beliaukan. Lagi satu dengan Maman Teachers Pet. Itu pun saya 'look forward' jugalah. Itu antaryalah dan ada lagi satu (1) saya dah dapat peluang juga dengan Datuk Ramli Sarip walaupun sekadar nyanyi 'busking' sahaja. Itu antara-antara tiga (3) nama yang saya boleh terfikirilah sekarang. Dato' Awie, Datuk Ramli Sarip dan Maman Teachers Pet.

ZAM **Seterusnya pada pendapat Encik Saiful apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang penyanyi untuk berjaya dalam industri muzik?**

SA Paling penting latihan sebab dalam nyanyian dia lain sikit daripada segi lakonan. Lakonan ini kalau latihan pun dia boleh berubah-ubah tapi fasal ini dia sangat terikat. Menyanyi ini dia sangat terikat *So* [Jadi] dia disiplinlah. Disiplin dengan latihan itu sangat-sangat penting. Apabila kita ada disiplin kita ada banyakk latihan selepas itu dengan adanya bimbingan juga. In S Allah lah kita akan 'success' tapi dari sudut peribadi saya pula nyanyian itu perlu ada sesuatu. Saya

ini sangat prihatin atau sangat cerewet tentang unik. Unik ini maknanya bukanlah satu lagu yang lagu ini kita dah boleh 'expect' dah lagu ini macam mana. Lagu unik itu sesuatu yang diluar jangkauan yang memang 'original so' itulah saya rasa dia punya 'key' untuk seseorang penyanyi dan lagu yang akan dibawa.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN SEPANJANG MENJADI SENIMAN

ZAM Seterusnya kita akan beralih kepada pencapaian dan sumbangan. Apakah pencapaian dan sumbangan Encik Saiful sepanjang terlibat dalam industri hiburan?

SA Saya boleh bagi pecahan kepada dua (2) iaitu popular dan terbaik. *Okay* [Baik] kenapa saya bagi pecahan dua (2) itu sebab yang popular belum tentu terbaik dan sesuatu yang terbaik belum tentu popular. *So* [Jadi] saya pula berjaya meraih banyak kejayaan dari sudut populariti bukan yang terbaik sebab itu saya tidak pernah dapat pelakon terbaik, pelakon pembantu terbaik, penyanyi terbaik atau pelawak terbaik saya tidak pernah dapat. Saya tidak pernah meraih langsung kejayaan itu tapi kalau macam pelawak paling popular, pelakon paling popular benda itu semua adalah *So* [Jadi] maknanya perjalanan saya masih tidak lengkaplah sebab yang popular saya dah dapat yang terbaik saya tidak pernah

dapat. Dan kalau dari segi sumbangan saya rasa macam memartabatkan komedilah sebab apabila suatu ketika dahulu pada tahun 2004, saya memecah tradisilah antara pelawak pertama yang meraih "Bintang Paling Popular" mengalahkan pelakon dan penyanyi sebab dahulu kalau kita tahu memang untuk anugerah populariti ini selalunya didominasi oleh pelakon dan penyanyi sahaja. Jadi, pelawak memang tiada ruangnya senang cakap tapi itu saya rasa sumbangan yang telah memecah tradisi saya menjadi pelawak pertama untuk memecah tradisi yang mana ketika itu saya bersaing dengan Dato' Siti Nurhaliza dan juga dengan Datuk Rosyam Nor *So* [Jadi] untuk "ABP 2003" itu saya telah meraih tiga (3) kemenanganlah sekali gus telah membuka sumbangan yang telah 'trigger' industri komedi yang mana kita tengok sekarang dah ada 'channel' komedi, dah ada pertandingan komedi. Komedi ini dah lebih dimartabatkanlah. Bukan saya cakap punca dia saya. Saya hanya menjadi sebab tapi itulah dia punya 'trigger start' daripada situ itu pembuka tirai untuk semua. Banyak pelawak-pelawak yang memang ada potensi dan berbakat yang secara tidak langsung telah meraih kejayaan dan mencipta nama sekarang di persada komedi *So* [Jadi] itu antara sumbangan saya dan pencapaian sayalah.

ZAM Pada pendapat Encik Saiful, apakah faktor yang melayakkan pencapaian tersebut?

SA Saya rasa kriteria itu 'first' sekali memang usaha kitalah. Usaha kitalah yang akan membuktikan sesuatu sebab kadang-kadang usaha kita kadang-kadang

menjadi kadang-kadang tidak menjadi. Jadi yang menilai benda itu kadang-kadang macam yang saya cakap tadilah kalau dari segi pengiktirafan saya rasa itu adalah impian semua insan seni. Mereka mahukan satu kejayaan yang diiktiraf maksudnya anugerahlah *So* [Jadi] pada saya macam saya cakap tadi, anugerah ini dibahagi kepada dua (2) populariti dan juga yang terbaik. Yang terbaik ini selalunya dia ada juri-juri dialah yang telah dilantik. Juri-juri profesional yang memang pakar dalam bidang itu dan bila yang populariti ini lebih kepada undian peminat dan penyokong. *So* [Jadi] dia agak berbeza dan agak subjektif di situ. Yang satu ini dijurikan oleh orang ramai, satu lagi dijurikan oleh profesional *So* [Jadi] antara kriterianya ialah sebenarnya kalau popular itu dia kena kerap ada tapi yang terbaik ini kadang-kadang belum tentu dia kerap ada tetapi satu sahaja karya dia meletup terns. *So* [Jadi] kriteria ini agak subjektif jugalah bergantung kepada pengiktirafan itu sendiri. Maknanya kadang-kadang ada yang dia tidak popular tapi dia terbaik tapi kadang-kadang dia terbaik tapi tidak popular *So* [Jadi] dia agak subjektif di situ.

ZAM **Apakah reaksi Encik Saiful dan keluarga ketika memperoleh pencapaian tersebut?**

SA 'Of course' dia suatu yang membanggakan bukan sahaja keluarga tapi pada kawan-kawan, kawan sekolah, kawan sekampung hahaha [ketawa] cikgu-cik_gu, saudara-mara 'of course' lah dia jadi suatu benda kebanggaanlah dan sesuatu di luar dugaan sebab macam yang saya cakaplah 'there always a first time for

everything'. Mesti ada kali pertama untuk setiap apa sahaja. Itulah dia tempias dia akan dirasailah. Itu kalau kira cerita dari segi kejayaanlah kalau dari segi kegagalan pun mereka rasa juga tempias itu.

ZAM **Siapakah yang mendorong Encik untuk memperoleh pencapaian tersebut?**

SA Itulah macam yang saya cakap orang-orang terdekat maknanya sahabat-sahabat, rakan kerja, guru-guru kita, orang-orang lama, orang-orang 'senior', orang-orang yang dalam industri dan orang-orang yang berpengaruh. Apabila dah nampak macam contoh kadang-kadang macam apabila ada pertandingan lawak contohnya, saya tidak perlu sebut pertandingan lawak apa kadang-kadang apabila orang tanya 'kenapa abang tidak masuk bertanding?' contohnya tapi saya akan dihujani dengan pendapat-pendapat orang lama macam Dato' Awie, Amy Search dia akan cakap 'Bro, kau tidak perlulah. Bukan level kau' dia cakap, 'Kau dah di atas itu dan kau dah meraih semua itu dan dah tiada apa untuk kau buktikan lagi'. **So** [Jadi] pertandingan ini hanyalah untuk orang yang belum sampai lagi 'level' itu. Jadi, orang-orang inilah yang bagi dorongan kepada saya.

ZAM ***Okay* [Baik] akhir sekali kami ingin bertanyakan kepada Encik beberapa soalan berkaitan pesanan dan harapan. Apakah harapan Encik Saiful terhadap bakal-bakal anak seni pada masa sekarang yang ingin menceburi bidang dalam industri hiburan?**

SA Harapan saya semoga mereka dapat menaik taratkan tidak kira apa sahaja cabang senilah. Kalau nyanyian, nyanyianlah. Kalau lakonan, tarian, pengacaraan, dan sebagainya **So** [Jadi] komedi pun begitu juga. Itu harapan saya supaya menaik taraf tetapi bukan bermakna menaik taraf ini kita memang dituntut untuk mencuba sesuatu yang baru. Apa yang boleh saya cakap disini tidak salah kita nak cuba keju tapi belacan jangan lupa **So** [Jadi] maknanya dalam kita nak berkreativiti ini nak mencuba sesuatu yang baru yang lebih membuka minda, yang lebih luar dari kotak, lebih unik jangan sampai kita menjejaskan dan mencacatkan keaslian ataupun matlamat kita yang sebenar dalam memartabatkan seni ini sebab banyak sekarang percubaan yang kadang-kadang mencuba luar daripada kotak tetapi kadang-kadang tersasar atau menyongsang atau melawan arus. Memang betul kita harus berani tetapi kita harus berfikir beribu kalilah macam saya cakap tadi yang paling penting dia perlu memanfaatkan. Kalau dia dapat manfaat majoriti, 'that is good' Alhamdulillah.

ZAM Apakah harapan Encik Saiful untuk mengekalkan industri seni hiburan ini pada generasi yang akan datang?

SA Macam saya cakap tadi berbalik kepada yang tadi itulah. Jujur, ikhlas, haruslah beradab barulah kita akan dapat ilmu. **So** [Jadi] perkara-perkara ini adalah perkara 'basic' bukan sahaja pada bidang seni tetapi apa sahaja juga bidang. Apabila kita jujur, kita ikhlas, dan kita dahulukan adab In S Allah ilmiah yang

baik-baik akan datang bergolek-golek **So** [Jadi] kita amalkan dia. Antara empat (4) perkara ini kita selarikan dan bersederhana jugalah maknanya dalam membawakan diri itu janganlah terlalu angkuh, terlalu meninggi diri. Kita kena bersifat marhaenlah sebab kalau kita nak cerita orang yang kayangan susah kita nak tengok yang bersifat marhaen tetapi orang yang marhaen ini yang perasan dia kayangan ini memang ramai hahahaha [ketawa]. **So** [Jadi] kalau kita faham konteks itu In S Allah membawakan kita akan tidak tersasar.

ZAM Seterusnya apakah cabaran Encik Saiful sebagai pelakon veteran dalam industri seni untuk kekal berlakon dan bersaing dengan pelakon muda?

SA Macam saya cakaplah ada pepatah yang mengatakan 'yang patah akan tumbuh yang hilang akan berganti'. 'Yes' betul tapi kalau kita tengok konteks dia Allahyarham Tan Sri P.Ramlee pernah berkata 'aku akan hidup seribu tahun'. Mungkin kalau kita cerita dari segi fakta memang tidak logik tidak masuk akal tetapi kita tahu sebenarnya pendekatan dia atau maksud di sebalik yang tersirat sebenarnya kita tahu apa maksud dia yang sebenarnya. Maksudnya terus kekal relevan sampai bila-bila **So** [Jadi] pada saya berbalik pada apa yang tadi saya cakap tadi itulah. Apabila kita menggunakan peluang sebaiknya untuk manfaat semua, selepas itu kita sentiasa bersyukur dan sentiasa merendah jiwa dan sentiasa bersifat terbuka tidak kira kita lebih lama. Kita pun akan belajar juga sesuatu daripada orang yang baru, orang yang muda **So** [Jadi] apabila kita ada benda itu In S Allah Allah akan buka pintu rezeki kita untuk kita relevan sampai

bila-bila pun In S Allah.

ZAM Seterusnya selepas isu berkaitan bayaran pelakon veteran tidak setimpal, apakah pandangan Encik Saiful berkenaan isu tersebut?

SA Itulah dia kadang-kadang macam saya cakap tadilah berbalik kepada ketentuan rezeki semuanya atas izin Kun Faya Kun tetapi 'of course' kita yang diberikan akal diberi hak untuk perjuangkan perkara itu, haruslah perjuangkan perkara itu. Macam saya pun nampak dalam industri ini saya tidak tahulah industri ini sebenarnya akan ke mana dah hala tuju sebab kita tengok harga barang makin naik tapi harga-harga mereka ini yang dalam bidang seni ini makin menurun pula. Jadi saya tidak tahu sebenarnya kita nak bagi mandat ini kepada siapa. Adakah persatuan, kerajaan ataupun seseorang yang berpengaruh untuk perjuangkan perkara ini macam kita tahu kerajaan dah tetapkan gaji minimum RM1500 tidak kira apa sektor pun. Jadi kita perlukan itu juga sebenarnya dalam ketetapan piawaian dari segi gaji ataupun upah kepada orang-orang seni ini tidak kiralah lama atau baru. Jadi itulah yang saya rasa ada satu permasalahan yang belum ada penyelesaian lagi yang saya tidak tahu nak dipertanggungjawabkan kepada siapa sebenarnya tapi saya memang nampak benda ini berlaku 'and' benda ini boleh merosakkan.

ZAM Sebagai salah seorang artis veteran tanah air, apakah harapan Encik terhadap industri negara dalam menghargai artis veteran?

SA Sebab itu kalau kita tengok, kita dah belajar daripada kesilapan kita. Kita tengok macam Allahyarham Tan Sri P.Ramlee yang sangat-sangat disanjung sehingga kini sehingga diberi gelaran Tan Sri selepas beliau tiada jadi itu adalah satu pelajaran yang sebenarnya kita tengok pengakhiran hidup beliau pun sangat tragik di mana di hujung-hujungnya dia diabaikan, dia diboikot, dia dipinggirkan dan ini sesuatu benda yang tidak sepatutnya berlaku. Jadi kalau kita dapat ambil itu sebagai tauladan dan In S Allah kita akan dapat hindari benda itu daripada berlaku seterusnya pada masa-masa akan datang dalam konteks nak memartabatkan orang seni ini *So* [Jadi] macam saya cakaplah siapa yang hams dipertanggungjawabkan. Saya rasa penyokong pun banyak main peranan juga sebab sekarang pun dah wujudnya netizen. Netizen ini kuasa dia besar *So* [Jadi] netizen ini juga boleh menjadi sesuatu yang positif bukan semua negatif. Apabila mereka sebulat suara untuk mempertahankan sesuatu dalam memartabatkan seseorang seniman atau seniwati, saya rasa benda itu dah bolehlah sebab pada saya kalau anda bukan penyelesaian, andalah masalah itu haha [ketawa]. 'If you are not the solution, you are the problem'. *So* [Jadi] itu yang saya nampaklah kelemahan yang sedang membelenggu industri kita.

ZAM Seterusnya pada pendapat Encik Saiful apakah kepentingan kita sebagai rakyat dalam menghargai karya yang dihasilkan oleh seniman?

SA Dia sama juga dalam konteks budaya. Apakah kepentingan budaya, tradisi, adat apakah kepentingan itu. Kita tahu benda itu adalah khazanah daripada lipatan

sejarah yang menjadikan legasi untuk kita pelihara benda itu **So** [Jadi] kepentingan dia konteks dia sangat-sangat rapat. Apakah kepentingan itu dalam kita memelihara memartabatkan orang-orang yang terlibat dalam bidang seni dan bidang seni itu sendiri dan industri itu sendiri yang mana kita tahu peranan dia sangat penting contohnya apabila setiap kali untuk menyampaikan apa sahaja satu-satu perkara-perkara yang kita tahu orang seni ini sangat berpengaruh dari segi kata-kata, hujahnya, dari segi kefahamannya **So** [Jadi] dalam nak menyampaikan apa sahaja kesedaran, kepentingan negara apa sahaja mesej yang hendak disampaikan perlu melalui orang-orang seni. Jadi itulah saya rasa kepentingannya orang-orang seni ini sebagai barisan hadapan juga sebenarnya sebab itu ketika zaman dulu orang-orang seni ini diangkat martabatnya oleh pihak istana, oleh raja-raja, sultan-sultan kerana mereka tahu betapa pentingnya untuk mengekalkan orang-orang seni ini dalam struktur untuk memajukan negara juga.

ZAM Seterusnya bagaimana pula cara masyarakat boleh menghargai nilai karya yang dihasilkan oleh seniman tanah air?

SA Disini sebenarnya pada individu sendiri apabila kita cerita soal hatilah sebab sekarang macam dulu televisyen ada tiga (3) 'channel' kita bergantung macam orang-orang seni ini bergantung kepada surat khabar, majalah, stesen televisyen dan stesen radio. Empat (4) sahaja saluran tapi sekarang ini apabila dah media

sosial, dengan adanya stesen televisyen yang banyak, stesen radio yang banyak jadi dia dah jadi terlalu meluas. Mungkin dulu kita boleh kira sahaja berapa orang seni yang kita minat. Sekarang dah tidak boleh kira dah. Ini aku minat dia ini aku minat semua aku minat. Dia dah jadi sangat rambang *So* [Jadi] untuk kekal menyokong itu dia agak susah sedikit apabila dah terlalu banyak. Jadi itu berbalik kepada individu itu sendiri berbalik kepada kejujuran dan keikhlasan sebab apabila mereka minat mereka sokong bukan sebab siapa-siapa paksa. Dia lahir daripada dia sendiri, daripada keikhlasan dan kejujuran dia sendiri. *So* [Jadi] sejauh mana itu kena tanya diri masing-masing 'sejauh mana aku boleh kekal dengan kejujuran dan keikhlasan aku dalam aku menyokong secara langsung atau tidak langsung mereka-mereka yang dalam industri seni ini'. *So* [Jadi] ini sebenarnya inisiatif masing-masing untuk melatih diri untuk istiqamah pada sesuatu yang mereka suka dan tidak ada sesiapa paksa.

ZAM Seterusnya sebagai seniman veteran, apakah nasihat Encik kepada masyarakat yang tidak mementingkan ilmu dan hasil karya dari seniman tanah air?

SA Macam itu yang saya cakap tadilah kita akan kepupusan khazanah kalau kita sendiri tidak pelihara seperti bak patah kata Laksamana Hang Tuah 'Takkan Melayu hilang di dunia' *So* [Jadi] tidak mustahil juga Melayu sendiri akan hilang haha [ketawa] kalau kita tidak menjaga, mengekalkan, 'preserve', memelihara, melindungi khazanah itu. *So* [Jadi] sama konteksnya dalam bidang

seni juga, kalau kita tidak pelihara dia akan kepupusan dan kita punya legasi, generasi akan datang cucu cicit kita pun dah tidak akan kenal dah. **So** [Jadi] itu kita tengok dari segi konteks betapa pentingnya budaya, tradisi kita, salasilah kita, asal-usul kita, sejarah **So** [Jadi] kita kena jagalah. Kalau kita tidak jaga nanti musnahlah. Apabila musnah nanti, kita punya generasi akan datang sudah tidak kenallah. Itu yang kita risau nanti kepupusan legasi.

ZAM **Apakah pandangan Encik Saiful terhadap filem atau drama yang terhasil pada masa ini?**

SA Drama di televisyen mungkin tidak sebanyak macam dahulu tetapi drama sekarang pun saya tidaklah tengok sangat tetapi saya tahulah 'keep track' juga serba sedikit tentang drama-drama sekarang yang sebenarnya memenuhi 'trending' ataupun dia sekadar 'trending' sahaja. Bukan kata tidak ada hala tuju, hala tuju itu mungkin untuk 'business' lah. Semata-mata untuk duit, untuk 'commercial value' sahaja tetapi macam nak dapat drama macam yang dulu-dulu yang betul-betul terasa dekat dia bukan 'cliche' lah. Suatu ketika cerita Hindustan dahulu sangat 'cliche' tetapi orang suka tengok. Ini mesti anak orang kaya tidak boleh kahwin dengan anak orang miskin. Benda-benda yang macam itu. Nanti akan ada gengster yang akan diupah untuk rosakkan. Benda 'cliche' lah **So** [Jadi] bagi sayalah kenapa tidak dijadikan sebab kita tahu dengan sekarang ada media sosial, kita ada banyak kisah-kisah benar yang berlaku dalam kehidupan masyarakat kita yang kadang-kadang kita sendiri pun tidak

jangka kenapa perkara-perkara ini tidak diketengahkan untuk digambarkan dalam drama, untuk dikisahkan. Adakah kerana benda-benda macam ini orang tidak mahu tengok, tidak ada 'commercial value' jadi ia tidak memenuhi tuntutan stesen televisyen ataupun siapa yang tengah pasarkan produk-produk itulah. Jadi saya rasa macam di situlah saya nampak kelemahan 'and' kalau filem pula contohnya kalau kata ada 100 filem dalam setahun atau 50, mungkin 100 banyak sangat. 50 filem yang ditayangkan di panggung untuk masa satu (1) tahun di seluruh Malaysia tetapi yang 'collect' 80 juta satu (1) filem sahaja, yang lain semua lingkup. Jadi baik suruh orang yang buat filem yang 80 juta dia seorang sahajalah yang buat. Orang lain tidak perlu buat hahaha [ketawa]. Nampak tak? Saya rasa macam tidak adil *So* [Jadi] saya bukan nak 'judge' atau saya nak 'compare' cuma saya rasa macam apalah nasib mereka-mereka pembuat filem, pembuat drama dan penonton sendiri. Apalah nasib mereka ini dalam memperjuangkan dan memartabatkan industri seni ini, filem, drama khususnya. Ke mana hala tujunya sebab saya dah tidak nampak hala tujunya. Saya tidak tahulah adakah buat filem sejarah baru boleh dapat kutipan atau buat filem-filem gengster dapat kutipan ataupun buat cerita-cerita hantu baru dapat kutipan, cerita aksi *So* [Jadi] di mana skop itu kita nak letakkan sebab kalau kita tengok filem-filem P.Ramlee dahulu, saya nak cakap satu (1) bendalah dahulu saya tengok televisyen hitam putih. Cerita hitam putih meninggalkan banyak kesan wama-wami dalam hidup saya tetapi sekarang ini dengan ada televisyen yang canggih dengan 'high definition, '4k', berwarna-wami pun kadang-kadang

susah nak meninggalkan satu kesan hitam putih dalam diri saya. Jadi itulah satu (1) kemunduran dalam kemajuan yang saya nampak, yang saya rasa macam tidak tahulah. Nak kecewa pun nak kecewa dekat siapa haha [ketawa] nak sedih pun siapa yang saya nak sedihkan haha [ketawa]. Jadi saya tidak nampak hala tuju yang saya rasa macam sebab benda ini seorang dia tidak akanjadi, dia kena sepakat. Dia kena besar nak martabatkan benda ini nak pelihara nak majukan lagi. Saya tidak tahu apa usaha yang perlu diambil macam saya cakap tadi siapa yang perlu dipertanggungjawabkan dalam konteks ini tadi. *So* [Jadi] itulah saya macam sedihlah tengok sebab hala tuju tidak tahu ke mana.

ZAM *Okay* [Baik] **soalan terakhir sebelum kita menutup temu bual kita, sebagai salah seorang yang terlibat dalam industri lakonan dan perfileman apakah harapan terbesar Encik Saiful dalam industri perfileman negara dalam mengembangkan industri filem Malaysia di peringkat global?**

SA Sebenarnya kita dari segi skop yang besar dari segi industri keseluruhan, sebelum saya sentuh itu saya cerita pada dasar yang kecil-kecil dulu. Maksud saya dasar yang kecil-kecil dulu ini boleh ke kita sampai ke global? Boleh ke kita sampai ke luar negara dalam konteks senilah. *Okay* [Baik] kita cerita yang kecil-kecil dahulu. Kalau kita cerita individu, Sudirman dah sampai ke London, Aishah and The Fan Club pernah suatu ketika dahulu popular di New Zealand, Datuk Shake di Perancis, Anita Sarawak di Las Vegas, Cromok di Australia, Pop Shuvit, Sheila Majid dengan Datuk Zainal Abidin di Jepun, Search pernah

sampai ke LA, Wings juga pernah sampai ke Australia 'and then' kalau kita tengok Datuk Michelle Yeoh salah seorang yang disegani di Hollywood sekarang. **So** [Jadi] sebenarnya perajurit-perajurit secara individu semua kita dah pergi global dah. Kalau dari segi sukan pun kita tengok badminton dan 'squash' memang kita pegang. Sama juga kita dah pergi global dah **So** [Jadi] dalam istilah mustahil tiada. Dah terbukti benda itu kita bukan cakap-cakap sahaja. Benda itu dah jadi lipatan sejarah tetapi untuk pergi lebih besar lagi, itu yang kita titip beratkan banyak aspeklah. 'First thing' macam mana kita nak pergi ke global sedangkan ke negara jiran pun belum tentu kita dapat pergi. Seberang ke Indonesia contohnya, ke Thailand contohnya, ke Bollywood contohnya, ke Hong Kong sebab kita tahu mereka ini dah pergi 'all-out' dah **even** [walaupun] sekarang Korea ini yang tidak tahu daripada mana asal-usul tiba-tiba dah meletup satu dunia dari segi muzik mahupun filem. **So** [Jadi] pada saya, saya nak cakap di sini tiada istilah mustahil tetapi kita kena tengok apa rencah dia, apa resipi kejayaan itu boleh tercipta sampai ke global. Adakah kita kena belanjakan lebih lagi duit, dari segi **marketing** [pemasaran] ataupun kita kena tingkatkan lagi **content** [kandungan] ataupun hasil kreatif kita. **Even** [Walaupun] Raihan pun pernah mencipta nama di Timur Tengah yang memang fenomenalah padahal kumpulan nasyid sahaja. Orang cakap 'kumpulan nasyid boleh pergi global, mustahil' **So** [Jadi] di sini itulah macam saya cakap tadi kita kena rawat dahulu sebab Rasulullah pun pernah cakap 'Mencegah itu lebih baik daripada merawat' **So** [Jadi] apa dia antara langkah-langkah kita untuk

mencegah supaya kita tidak perlu merawat dah hahaha [ketawa]. Sebenarnya ada masalah-masalah *internal* [dalaman] ataupun penyakit yang halus, yang kita tidak nampak sebenarnya yang sedang berlaku dalam *internal* [dalaman] industri kita. *So* [Jadi] kita kena menanganilah sebab kalau kita tengok sekarang filem yang kita dah *collect* [kumpul] sampai puluhan juta sekarang filem "Mat Kilau", filem itu boleh pergi ke tidak luar negara. Belum tentu lagikan? *Even* [Walaupun] KRU pun pernah buat satu cerita "Vikindom" yang memang *level* [tahap] luar negaralah tetapi pun tidak diiktiraf. *So* [Jadi] sebenarnya macam mana kita nak bersaing dengan Hong Kong, Bollywood dan sekarang Korea. Macam mana kita nak bersaing dahulu dengan antara tiga (3) negara ini *even* [walaupun] filem Tamil yang suatu ketika dahulu diperlekehkan sekarang pun dia dah tinggi sangat 'standard' dia. Dahulu orang tengok Hindustan sahaja, Tamil mungkin orang rasa macam gred B tetapi tidak lagi. Sebenarnya macam mana. Jadi benda ini macam sangat kompleks *and complicated so* [dan rumit jadi] terpulanglah sebenarnya bukan sahaja pada individu, kepada masyarakat juga dan kepada mereka yang bertanggungjawab untuk memelihara, memantau dan memartabatkan industri seni kita. Itu tugas kita bersama sebenarnya tetapi sebelum itu kita kena ada kesedaranlah 'kenapa penting perkara ini', 'penting sangat ke?', 'filem dan muzik sahaja apa yang penting sangat'. Sebab itu kita kena bagi kesedaran macam tadi yang saya dah jawab. Apa pentingnya untuk kita pelihara benda ini *So* [Jadi] saya rasa macam kita pun tidak mahu Malaysia ini dikenali kerana kehilangan MH370 itu sahaja, kerana KL Tower, Menara

Petronas itu sahaja, tiada perkara lain yang orang kenal. Dan selepas itu badminton, 'squash', itu sahaja **So** [Jadi] apakah langkah kita seterusnya untuk kita memartabatkan supaya di mata dunia ini kita dapat kembangkan sayap kita, kita dapat tunjukkan betapa hebatnya karya seni kita yang mana suatu ketika dahulu pernah diraih macam saya cakap tadilah secara individu sebenarnya dah ada dah P.Ramlee dah keluar, Datuk Shake, nama-nama yang saya sebut tadi semua dah keluar dah *even* [walaupun] kalau kita tengok uji bakat nyanyian kalau di Indonesia sendiri, antara lagu-lagu wajib adalah lagu Dato' Siti Nurhaliza, lagu Zamani Slam, lagu Iklm, lagu Amy Search. Itu antara lagu-lagu wajib **So** [Jadi] maknanya kita dah keluar secara global sebenarnya tetapi macam mana kita nak terus kembang lagi supaya lebih naik taraf lagi. **So** [Jadi] itu tanggungjawab kita bersamalah sebenarnya. Bukan sebagai individu juga sebagai masyarakat, sebagai organisasi dan sebagai sebuah negara juga.

SS

SA

Tidak berapa dengar, putus-putus Shafie. Mungkin Zul boleh ulang apa yang Shafie cakap.

ZAM

Dengan ini tamatlah sesi temu bual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff atau lebih dikenali sebagai Saiful Apek sepanjang berkhidmat sebagai seorang pelakon di Malaysia. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempumakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil

temu bual ini dapat menyumbang kepada perkembangan dalam industri filem pada masa akan datang. Sekian, terima kasih

LOGWAWANCARA

Encik Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff atau lebih dikenali sebagai Saiful Apek, yang dilahirkan pada 12 Mei 1969, di Selangor. Temubual ini dijalankan di atas talian iaitu medium Google Meet, mengetahui serba sedikit tentang kerjaya beliau sebagai artis pelawak, pelakon dan penyanyi.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/ RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0:00	Sesi memperkenalkan diri dan latar belakang projek di terangkan	Shafie bin Saleh dan Zul-Amirul Muhaimin Mohd Zukri
1:38	Latar belakang ringkas mengenai tokoh	Pelakon, pelawak dan penyanyi 12 Mei 1969 52 tahun Gombak, Selangor
3:06	Menceritakan kisah disebalik nama Apek	Terlibat dengan program realiti tv Sebab memakai pakaian cheongsam

		Berlakon sebagai watak Apek
7:26	Menceritakan kisah ibu bapa beliau	Puan Rahmah Binti Ayob Husin Bin Abd Rahman Ibu angkat: Hajah Endon Binti Haji Sa'in Ayah angkat: Mohamad Yusof Bin Syed Ismail Bapa tiri: Mohamad Jaafar Ali Bin Ibrahim.
7:35	Menceritakan bilangan adik beradik	Enam orang adik-beradik 2 lelaki 5 perempuan
8:30	Menceritakan tentang hobi beliau	,Menunggang motosikal Melukis Bermain alat muzik Memotong rambut
9:11	Menceritakan moto hidup beliau	'Sernurah-murah rezeki adalah pada mereka yang sentiasa bersyukur'
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN KANAK-KANAK, SEKOLAH RENDAH,		

SEKOLAH MENENGAH, UNIVERSITI.		
10:50	Menceritakan tentang latar belakang Pendidikan beliau	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Sultan Alam Shah2 Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya Tengku Ampuan Rahimah, Klang
12:00	Menceritakan kenangan manis di sekolah	Belajar bersosial dengan kawan-kawan disekolah
13:43	Menceritakan tentang subjek kegemaran	Pendidikan jasmani
15:50	Menceritakan tentang pengajian tinggi	Tidak menyambung pelajaran ke Universiti
BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL		
16:57	Menceritakan tentang pekerjaan pertama beliau	Perhotelan Promoter Tebar roti canai Kerja kontrak Jurujual
20:10	Menceritakan tentang pendorong dan	Kawan-kawan

	pemberi semangat kepada beliau	Allahyarham Hanif Haji Kasim
24:30	Menceritakan tentang gaji pertama beliau	RM1 50 Seminggu
25:17	Menceritakan tentang persekitaran pekerjaan yang beliau suka	Mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekerja dan crew
26:47	Menceritakan tentang etika semasa bekerja	Jujur dan ikhlas
28:10	Menceritakan tentang siapakah yang membantu beliau semasa awal pekerjaan	Pihak pengurusan Memudahkan urusan Mengatur jadual
29:14	Menceritakan tentang hubungan dengan rakan sekerja	Behubung melalui media sosial
KERJAYA SEBAGAI PELAKON		
30:33	Menceritakan tentang pertama kali bergiat aktif dalam bidang seni hiburan	Bermula pada tahun 1995 Menulis skrip sendiri Lakonon pertama 'Alkisah' Filem pertama scenario the movie
32:34	Menceritakan bagaimana boleh terlibat	Menulis skrip

	dalam lakonan	Disuruh berlakon secara mengejut
33:34	Menceritakan tentang berapa lama terlibat dalam lakonan	27 tahun
35:13	Menceritakan tentang idola beliau	Tan Sri P.Ramlee M.Zain, Allahyarham Dato Aziz Satar, S.Shamsudin, lepastu masuk pula ke zaman Mat Sentul, and then A.R Badul, R. Jaafar Tawil, Hamid Ghurka, Yahya Sulong
37:34	Menceritakan tentang filem dan drama yang diawarkan	Alkisah MimpiMoon
38:26	Menceritakan tentang filem yang terkenal beliau lakonkan	'Senario' 'Champion' 'Senario lagi', 'lagi-lagi Senario' 'Jutawan Fakir' 'anak mami Kembali'
41:55	Menceritakan tentang watak kegemaran beliau	Watak antagonis ;Kampung Baru'

45:03	Menceritakan pandangan beliau tentang isu pelawak mempersendakan agama	Sangat tidak wajar Bergantung pada individu Bukan sahaja konteks komedi
47:35	Menceritakan tentang bagaimana beliau boleh menjayakan setiap watak	Menbuat Latihan Memahami skrip
50:54	Menceritakan tentang watak yang mencabar	Watak yang serious Bukan watak komedi Cabaran untuk tinggalkan kesan kepada penonton Perlu buat mimik muka
53:38	Menceritakan tentang jumlah watak dan filem yang beliau telah lakonkan	Watak tak pasti Lebih 60 filem Penampilan istimewa
54:25	Menceritakan tentang watak dan loghat yang belum beliau pegang	Watak polis Loghat Sabah

		Loghat Pantai Timur Loghat Negeri Sembilan
56:15	Menceriakan tentang perkara yang harus dilakukakn sekiranya ada permasalahan sewaktu berlakon	Minta tunjuk ajar Bercerita dengan pasukan
57:37	Menceritakan tentang perkara yang harus dilakukan sebelum memulakan lakonan	Niat Mulakan dengan bismillah Minta dilindungi, dipermudahkan
59:15	Menceritakan tentang rakan artis yang beliau paling selesa	Selesa dengan semua Mudah bergaul
1:00:41	Menceritakan tentang bagaimana beliau menjaga hubungan dengan rakan artis dan masyarakat luar	Pentingkan pembawakkan diri Sentiasa rendah diri
1:02:47	Menceritakan bagaimana cara ingin meningkatkan kualiti lakonan	Tidak mengambil mudah setiap perkara Sentiasa mempelajari benda baru

1:05:23	Menceritakan tentang bentuk Latihan yang baik untuk kepada pelakon barn	Ilmu Adah Seimbang dunia akhirat
1:09:38	Menceritakan tentang aspek yang dititikberatkan untuk mencapai kejayaan	Faham tujuan sebenar Bekerjasama Terima teguran Sentiasa belajar
1:13:43	Menceritakan tentang nasihat kepada pelakon barn	Adah Budaya Taat pada Pencipta
1:18:28	Menceritakan tentang bakat lain yang beliau ada	Suka melukis pemandangan Main gitar Menulis puisi
1:22:27	Menceritakan serba sedikit tentang kumpulan 'senario'	Gandingan peserta-peserta yang bertanding dalam 'sinaran passport kegemilangan' terdiri daripada 7 orang, Shamsul Ghau Ghau, Farouk Rusin, Hamdan, Ilya, Wahid, Azlee dan Lan

		pet-pet Bergabung Kembali 2017 dalam 'Senarionion'
1:28:40	Menceritakan tentang pengalaman beliau menyertai 'sinaran passport kegemilangan'	Rasa macam dalam mimpi Usaha Doa dan tawakkal
1:30:53	Menceritakan tentang cabaran menyertai sinaran passport kegemilangan	Tiada keyakinan Perlu kreatif
1:34:51	Menceritakan serba sedikit tentang filem 'cicak-man'	Idea Yusry KRU Watak diinspirasi oleh beliau sendiri Filem superhero pertama di Malaysia
1:39:18	Menceritakan tentang watak 'KL-Menjerit'	Sebagai 'Kilat' Cabaran rambut 'Dreadlock' Bukan rambut palsu

1:43:08	Menceritakan watak 'Fakir' dalam 'jutawan Fakir'	<p>Di inspirasikan sebagai kisah benar</p> <p>Terjumpa duit</p> <p>Pengalaman yang pertama dengan Metrowealth bersama Datuk David Teo menjadi satu fenomena.</p> <p>Menjadi 'trending'</p> <p>Menjadi rapat dengan Bob Kuman</p>
1:47:14	Menceritakan serba sedikit tentang filem 'Duyung'	<p>Cerita fiksiyen</p> <p>Berlakon bersama Maya Karim</p> <p>Dilakukan di Sempoma, Sabah</p>
1:55:44	Menceritakan tentang perasaan berlakon dalam filem seram	<p>Filem arahan abang Aziz M.Osman</p> <p>tidak ada apa-apa masalah</p>
1:57:44	Menceritakan tentang kesan industr hiburan sewaktu covid-19	<p>Ada peluang lain</p> <p>Buat review</p>

1:59:39	Menceritakan tentang drama yang sedang dilakokkan sekarang	'Sumpahan Syaitan' 'Shhh Dia Datang' 'Ajib Is Back' Banyak perancangan Bersama 'Senario'
KERJAYASEBAGAI PENYANYI		
2:01:50	Menceritakan tentang cara penglibatan sebagai penyanyi	Melalui 'senario' Banyak nyanyi lagu drama dan filem
2:03:40	Menceritakan tajuk lagu pertama	Lagu Bersama 'senario' 'Motor kapcai' Killer song
2:05:01	Menceritakan tentang jumlah lagu	Puluhan lagu "ost" Persembahan pentas Drama

		Filem Lagu cover
2:06:28	Menceritakan tentang bemyanyi diluar negara	Brunei Singapura Medley 12 lagu
2:07:10	Menceritakan tentang cabaran bemyanyi di khalayak ramai	Prestasi Stamina Teknikal Mikrofon rosak
2:08:30	Menceritakan tentang penyanyi yang ingin beliau duet	Dato' Awie Dato' Ramli Sarip Maman
2:09:41	Menceritakan tentang ciri-ciri penyanyi	Disiplin Latihan Bimbingan Unik

BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN SEPANJANG MENJADI SENIMAN

2:11:12	Menceritakan tentang sumbangan dan pencapaian beliau	Mencapai banyak populariti, memecah tradisi antara pelawak pertama yang meraih "Bintang Paling Popular". Memartabatkan komedi
2:14:09	Menceritakan tentang faktor beliau layak menerima anugerah	Kriteria diri yang baik Usaha bersungguh-sungguh Sokongan orang ramai
2:16:00	Menceritakan tentang reaksi beliau dan keluarga sewaktu menerima anugerah tersebut	suatu yang membanggakan bukan sahaja keluarga tapi pada kawan-kawan, kawan sekolah, kawan sekampung

2:17:09	Menceritakan tentang pendorong beliau	sahabat-sahabat, rakan kerja, guru-guru kita, orang-orang lama, orang-orang 'senior', orang-orang yang dalam industri dan orang-orang yang berpengaruh
BAHAGIAN 5: PESANAN DAN HARAPAN		
2:18:48	Menceritakan harapan beliau terhadap anak seni pada masa sekarang	semoga mereka dapat menaik tarafkan tidak kira apa sahaja cabang seni. Mencuba sesuatu yang baru yang lebih membuka minda, yang lebih luar dari kotak. Dapat memberi manfaat kepada masyarakat
2:20:39	Menceritakan tentang harapan beliau untuk mengekalkan industri seni hiburan ini pada generasi yang akan datang	Jujur Ikhlas
2:21 :53	Menceritakan tentang cabaran beliau untuk kekal berlakon dan bersaing dengan artis baru	Terus kekal relevan. Gunakan peluang sebaiknya.

		Sentiasa bersyukur.
2:23:12	Menceritakan tentang pandangan beliau terhadap pelakon veteran yang tidak dibayar setimpal	haruslah perjuangkan perkara itu. Bergantung pada rezeki. Kerajaan dan persatuan harus memainkan peranan
2:25:03	Menceritakan tentang harapan beliau untuk menghargai artis veteran	Mempertanggungjawabkan sesorang Netizen be:rperanan besar
2:27:06	Menceritakan bagaimana masyarakat boleh menghargai karya tanah air	Bergantung kepada sesorang untuk menyokong. Memartabatkan orang-orang seni.

2:30:58	Menceritakan tentang nasihat beliau kepada masyarakat yang tidak mementingkan ilmu dan hasil karya dari seniman tanah air	Perlu mengekalkan dan memelihara khazanah negara.
2:32:22	Menceritakan tentang pandangan beliau terhadap filem atau drama yang terhasil pada masa ini	Drama kini tak sebanyak macam dulu. Semata-mata untuk duit Cliche Perlu ada pembaharuan
2:37:02	Menceritakan tentang harapan beliau terhadap dalam industri perfileman negara dalam mengembangkan industri filem Malaysia di peringkat global	Tiada istilah mustahil Ramai telah sampai global secara individu Penyanyi, pelakon, ahli sukan

HASILKAJIAN

Latar belakang tokoh



Gambar 1: Saiful Apek

Muhammad Saiful Azam Mohamed Yusoff (lahir 12 Mei 1969) atau lebih dikenali sebagai Saiful Apek merupakan seorang pelawak legenda tanahair. Beliau pernah diberi jolokan sebagai "Pelawak No. 1 Negara" semasa zaman kegemilangannya dan juga gelaran "Sifu" oleh pelawak-pelawak masa kini. Sehingga kini, aura dan kredibiliti beliau sebagai seorang pelawak tiada tolok banding dan gantinya. Beliau terkenal sebagai seorang pelawak intelektual yang berilmu dalam setiap tutur kata dan adabnya semasa menghibur.

Selain bidang lawak, beliau juga dikenali sebagai seorang pelakon, pengarah, penyanyi, pengacara dan penghibur Malaysia. Beliau juga merupakan seorang pelakon yang paling banyak membintangi filem-filem di Malaysia dari dahulu hingga kini sehinggakan pernah memecah tradisi sebagai pelawak yang paling banyak memegang watak utama dalam setiap filem lakonannya. Terdahulu, beliau merupakan bekas ahli

kumpulan Senario dan telah keluar dari kumpulan tersebut beberapa tahun kemudiannya. Namun begitu, kini beliau kembali bersama kumpulan tersebut dengan anggota-anggota asal dan menjenamakan semula diri mereka sebagai Senariounion.

Latar belakang Pendidikan

Beliau mendapat Pendidikan awal di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan mempunyai sedikit kemahiran bertutur dalam Bahasa kantonis. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di sekolah rendah yang bertapak di Petaling Jaya iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Alam Shah 2.

Setelah itu, beliau melanjutkan pengajian ke Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya. Kemudian beliau berpindah pula ke sekolah asrama di sekolah Tengku Ampuan Rahimah, Klang sehingga tahun 1984. Setelah tamat tingkatan 3, beliau berpindah balik ke sekolah lama beliau iaitu Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya. Beliau mendapat Pendidikan sehingga SPM.

Penglibatan awal kerjaya

Bakat Saiful (yang ketika itu berusia 25 tahun) dicungkil menerusi pertandingan Sinaran Pasport Kegemilangan musim pertama pada 1994 anjuran TV3, sekali gus popular menerusi sitkom Senario yang disiarkan sehingga 2013. Beliau juga pernah menjadi pengacara rancangan hiburan paling popular di TV3, Melodi bersama Ogy Ahmad Daud dengan menggunakan nama Apek.

Saiful memiliki syarikat produksi sendiri iaitu Gitu-Gitu Productions Sdn Bhd dan pernah dinobatkan sebagai Bintang Paling Popular pada Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2003 (ABPBH03).ru Apek

membuat penampilan filem pertama menerusi watak undangan khas dalam filem Puteri Impian 2 arahan Aziz M. Osman lakonan Amy Mastura. Apek dan kumpulannya, Senario muncul bersama dalam filem sulung lakonan mereka, Senario The Movie yang ditayangkan pada 1999. Dalam filem ini, Apek memegang watak bos pesta ria, Apek kemudiannya muncul dalam empat lagi filem lakonan Senario.

Pencapaian sepanjang kerjaya



Gambar 2: Anugerah Bintang Popular

Beliau pernah dinobatkan sebagai Bintang Paling Popular, Anugerah Bintang Paling Popular Berita Harian (ABPBH) 2003 lantas mengukirkan nama beliau dalam sejarah sebagai pelawak pertama yang memenangi anugerah tersebut. Terkini, beliau telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Ikon Komedi 2021 di Anugerah Personaliti Industri & Usahawan Malaysia 2021. Pada penghujung 2021, beliau telah dijemput memasuki program nyanyian terbitan Astro, iaitu Gegar Vaganza Musim ke-8 sebagai pasangan duo bersama Yassin Yahya/Anye dan dikenali sebagai kumpulan Sa.Ya.

INDEKS

A

anak seni, 6, 65, 90, 99, 105

anugerah, 13, 62, 63, 89, 107

C

Cicakman, 46, 47, 48, 53, 96, 97,
103

D

datang, 57, 65, 66, 68, 70, 76, 90,
99, 105

H

harapan, 65, 67, 73, 90, 91, 99,
100, 105

K

kawan, 8, 11, 22, 28, 31, 39, 64, 80,
89

N

nasihat, 4, 37, 70, 84, 91, 96, 99,
103, 105

P

Pelakon, 13, 1, 78

pelawak, 6, 12, 13, 24, 44, 53, 59,
62, 78, 82, 89, 102

pencapaian, 6, 13, 61, 63, 64, 88,
95, 99, 105

pengarah, 10, 13, 26, 30, 33, 50, 54

penyanyi, 10, 1, 56, 57, 58, 60, 61,
62, 78, 87, 88, 98, 104

S

senario, 3, 40, 85, 87

seniman, 23, 68, 69, 70, 91, 99, 105

SUMBANGAN, 61, 88, 99, 105

RUJUKAN

- Lin, S.H. (2020). Sejauh manakah sejarah lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?.jabatan sejarah fakulti sastera dan sains sosial, university malaya.
- Nadzan Haron, (1979) *Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia*. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, 09 . pp. 44-58.
- Rumah. fesyen.decorexpro.com. (n.d.). Retrieved August 3, 2022, from <https://fashion-ms.decorexpro.com/professii/akter/>
- Reka bentuk Rumah Dan Dalaman. fesyen.decorexpro.com. (n.d.). Retrieved August 3, 2022, from <https://fashion-ms.decorexpro.com/dom/>
- Saiful Apek Ikon Komedi 2021 |Berita Harian - Bharian.com.my. (n.d.). Retrieved August 3, 2022, from <https://www.bharian.com.my/hiburan/celebriti/2021/04/811885/saiful-apek-ikon-komedi-2021>
- Anirun, Suyatna. (2002). Catatan budaya. [Bandung] : Etnoteater Publications Sejarah Lisan. (n.d.). Retrieved August 3, 2022, from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>
- Universiti Putra Malaysia. Sumbangan Graduan Memperkayakan Dunia dengan Penyelidikan, Pengajaran dan Pembelajaran Cemerlang. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/21346/1/scan0056.pdf>.
- Wikimedia Foundation. (2022, July 27). *Saiful Apek*. Wikipedia. Retrieved August 3, 2022, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Saiful_Apek

LAMPIRAN

Lampiran 1 - Surat Kebenaran

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



UiTM
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Kelantan
Kampus Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)
Tarikh : 24 April 2022

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNNERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

Bli	Nama	No. Pelajar
1	ZUL-AMIRUL MUHAIMIN BIN MOHD ZUKRI	2021119219
2	SHAFIE BIN SALEH @ DAUD	2021505329

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dard IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (KEPUJIAN) (IM245), bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti Oral Documentation (IMR604).

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dart plhak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang dipertukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi ZUL-AMIRUL MUHAIMIN BIN MOHD ZUKRI di talian 019975****.

3. Pihak kami mengucapkan terima kaslh di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

"WAWNJAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Sekian, terima kasih.

Yang benar

RUSLINDA RAZAK
Penolong Pendaftar Kanan
b/p TIMBALAN REKTOR HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bukit INDU, 18500 Madlang, Kelantan
Tel: (+09)976 2000/2162/2266 Faks: (+09)976 2156
Email : trheakdnokelantan.uitm.edu.my





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Mohd Saifulazam bin Mohamed Yusoff K/P:..... pada 18.07.2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakandi antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah dilakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Mohd Saifulazam bin Mohamed Yusoff)
Tarikh: 18/07/2022

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Oekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Boleh Encik nyatakan nama penuh Encik?
2. Apakah kisah disebalik nama Apek dan dari mana datangnya nama tersebut?
3. Dimanakah Encik dilahirkan dan dibesarkan?
4. Berapakah umur Encik sekarang?
5. Dimana Encik menetap sekarang?
6. Siapakah nama ibu dan ayah Encik?
7. Berapakah bilangan adik beradik Encik?
8. Encik merupakan anak keberapa dalam keluarga?
9. Apakah hobi Encik atau aktiviti yang dilakukan pada waktu lapang?
10. Apakah motto hidup Encik?

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN KANAK-KANAK, SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENENGAH, UNIVERSITI.

1. Dimanakah Encik mendapat pendidikan awal?
2. Boleh Encik ceritakan sedikit kenangan manis pada zaman sekolah rendah?
3. Apakah subjek kegemaran Encik sewaktu berada di sekolah menengah?
4. Dimanakah Encik memulakan pengajian pendidikan tinggi atau universiti?

BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA

A. KERJAYA AWAL

1. Apakah pekerjaan pertama Encik setelah tamat pengajian dan adakah ia berkaitan dengan bidang pengajian Encik di universiti?
2. Siapakah yang selalu memberi sokongan dan dorongan kepada Encik untuk kerjaya Encik ini?
3. Jika tidak keberatan, boleh kami mengetahui berapa gaji Encik pada ketika itu?
4. Bagaimanakah keadaan persekitaran kerja yang Encik suka?
5. Apakah etika terpenting sewaktu bekerja?
6. Siapakah rakan sekerja yang sentiasa membantu Encik?
7. Adakah Encik masih berhubung dengan rakan sekerja tersebut?

B. KERJAYA SEBAGAI PELAKON

1. Bilakah Encik mula bergiat aktif dalam bidang kerjaya sebagai pelakon?
2. Bagaimanakah Encik boleh terlibat dalam bidang lakonan?
3. Sudah berapa lama Encik terlibat dalam bidang lakonan?
4. Adakah menceburi bidang seni merupakan cita-cita Encik sejak kecil lagi?
5. Siapakah yang menjadi idola Encik dalam bidang lakonan?
6. Apakah filem dan drama pertama yang ditawarkan kepada Encik?
7. Apakah filem/drama yang paling terkenal dilakonkan oleh Encik?
8. Apakah filem/drama yang telah Encik lakonkan dapat memberikan impak yang positif terhadap semua penonton/masyarakat?
9. Apakah watak yang paling digemari dan tidak dapat Encik lupakan?
10. Pada pendapat Encik Saiful berkaitan isu pelawak wanita yang bennain dengan isu agama?
11. Bolehkah Encik ceritakan bagaimana Encik dapat menjayakan setiap watak yang telah diberikan?
12. Apakah watak yang paling mencabar dilakonkan oleh Encik?
13. Sepanjang terlibat dalam industri hiburan, berapa banyak watak dan filem yang pernah Encik lakonkan?
14. Apakah watak yang perlu bercakap loghat masih belum Encik pegang?
15. Apakah tindakan Encik sebagai seorang pelakon sekiranya berlaku permasalahan sewaktu lakonan?
16. Apakah perkara yang perlu dilakukan oleh pelakon sebelum memulakan lakonan?
17. Siapakah rakan artis dalam industri hiburan yang paling Encik rapat dan selesa?
18. Bagaimanakah Encik menjaga hubungan sesama rakan artis dan masyarakat luar?
19. Apakah perancangan Encik bagi meningkatkan kualiti dalam bidang lakonan?
20. Pada pendapat Encik, apakah bentuk latihan yang baik untuk diberikan kepada pelakon yang baru menceburi bidang seni hiburan ini?
21. Sepanjang kerjaya Encik sebagai seorang pelakon, apakah aspek yang dititikberatkan oleh Encik untuk mencapai kejayaan dalam menghasilkan sesebuah

filem/drama yang berkualiti?

22. Apakah nasihat Encik kepada golongan artis yang baru menceburi bidang lakonan?
23. Adakah Encik mempunyai bakat lain selain lakonan?
24. Boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai Kumpulan Senario?

25. Apakah perasaan Encik semasa pertama kali menyertai pertandingan "Sinaran Pasport Kegemilangan" pada tahun 1994?
26. Apakah cabaran Encik sewaktu menyertai pertandingan tersebut?
27. Boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai filem Cicakman mengisahkan tentang apa?
28. Adakah filem Cicakman mendapat sambutan yang meriah daripada penonton?
29. Apakah watak yang dibawa oleh Encik sewaktu berlakon dalam filem aksi yang berjudul KL Menjerit?
30. Siapakah Fakir dalam filem Jutawan Fakir?
31. Boleh Encik ceritakan serba sedikit mengenai filem Duyung mengisahkan tentang apa?
32. Boleh Encik ceritakan pengalaman Encik sewaktu berlakon dalam filem Sifu & Tongga?
33. Apakah watak yang dibawa oleh Encik dalam filem Hantu Air? Adakah ia senang dilakonkan?
34. Apakah perasaan Encik apabila mendapat tawaran untuk berlakon dalam filem seram?
35. Apakah kesan yang dihadapi oleh industri hiburan sepanjang menghadapi pandemik Covid-19?
36. Apakah drama/filem terkini yang sedang dilakonkan oleh tuan sekarang?

C . KERJAYASEBAGAI PENYANYI

1. Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri dalam industri muzik.
2. Apakah tajuk lagu pertama Encik?
3. Bagaimana sambutan masyarakat terhadap lagu tersebut?
4. Berapakah jumlah lagu yang pernah Encik nyanyikan?
5. Apakah cabaran yang Encik lalui semasa menyanyi di khalayak ramai.
6. Adakah encik pernah menyanyi di luar negara.

7. Jika Encik diberikan pilihan untuk memilih mana-mana penyanyi, siapakah yang akan Encik pilih untuk bemyanyi bersama.
8. Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang penyanyi untuk berjaya dalam industri muzik?

BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN SEPANJANG MENJADI SENIMAN

1. Apakah pencapaian dan sumbangan sepanjang terlibat dalam industri hiburan?
2. Pada pendapat Encik, apakah sumbangan atau faktor yang melayakkan pencapaian tersebut?
3. Apakah reaksi Encik dan keluarga ketika memperoleh pencapaian tersebut?
4. Siapakah mendorong Encik untuk memperoleh pencapaian tersebut?

BAHAGIAN 5: PESANAN DAN HARAPAN

1. Apakah harapan Encik terhadap bakal-bakal anak seni pada masa sekarang yang ingin menceburkan diri dalam bidang industri hiburan ini?
2. Apakah harapan Encik untuk mengekalkan industri seni hiburan ini pada generasi yang akan datang?
3. Apakah cabaran Encik selaku pelakon veteran dalam industri seni untuk kekal berlakon dan bersaing dengan pelakon muda?
4. Selepas isu berkaitan bayaran pelakon veteran tidak setimpal, apakah pandangan Encik berkenaan isu itu?
5. Pada pendapat Encik apakah kepentingan kita sebagai rakyat dalam menghargai karya yang dihasilkan oleh seniman?
6. Bagaimanakah cara masyarakat kini menghargai nilai karya yang dihasilkan oleh seniman tanah air?
7. Sebagai seniman veteran, apakah nasihat Encik kepada masyarakat yang tidak mementingkan ilmu dan hasil karya dari seniman tanah air?
8. Apakah pandangan Encik terhadap filem/drama yang terhasil pada masa ini?
9. Sebagai salah seorang artis veteran tanah air, apakah harapan Encik terhadap industri negara dalam menghargai artis veteran?
10. Sebagai salah seorang terlibat dalam industri lakonan dan perfileman, apakah harapan terbesar Encik dalam industri perfileman negara mengembangkannya industri filem Malaysia di peringkat global?

Lampiran 4 - Gambar

